24.	2023	PERPAIPAN	KERJA-KERJA PEMBAIKAN PAIP AIR BERSIH SERTA KERJA BERKAITAN DI BLOK B PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 3, DTL	8,655.35
25.	2023	ELEKTRIK	KERJA-KERJA PEMBAIKAN LITAR PINTAS, GANTI LAMPU KORIDOR SERTA KERJA BERKAITAN DI PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 3, DTL	2,841.19
26.	2023	ELEKTRIK	KERJA-KERJA PEMBAIKAN LITAR PINTAS DAN PENGGANTIAN LANTERA LAMPU JALAN DAN PENDAIWAIAN SERTA KERJA BERKAITAN DI PERUMAHAN TAMAN TUN SARDON FASA 3, DTL	5,782.87
27.	2024	BUMBUNG	KERJA-KERJA PEMBAIKAN BUMBUNG FLASHING YANG ROSAK SERTA LAIN KERJA BERKAITAN DI BLOK 3A-4-4 PERUMAHAN AWAM TAMAN TUN SARDON FASA 3, DTL, PULAU PINANG	3,186.33
JUMLAH				484,290.44

**KERJA-KERJA NAIK TARAF DAN PENYELENGGARAAN
DI TAMAN TUN SARDON FASA 2
(PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN)**

BIL	TAHUN	SKOP KERJA	TAJUK KERJA	KOS PROJEK (RM)
1.	2023	BUMBUNG	KERJA-KERJA PENGANTIAN BUMBUNG BLOK AF, AG, AH, AJ, DAN AK SERTA KERJA BERKAITAN DI RUMAH PANGSA TAMAN TUN SARDON, DAERAH TIMUR LAUT	450,000.00
2.	2024	BUMBUNG	KERJA-KERJA PENGANTIAN BUMBUNG BLOK AL, AM, AQ, AR DAN AS SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI RUMAH PANGSA TAMAN TUN SARDON, FASA 2, DTL	500,000.00
3.	2025	RAILING	KERJA-KERJA MENGGANTIKAN RAILING KORIDOR DAN TANGGA SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI RUMAH PANGSA TAMAN TUN SARDON FASA 2, DTL	200,000.00
4.	2025	BUMBUNG	KERJA-KERJA PENGGANTIAN BUMBUNG BLOK AT, AU DAN AV SERTA KERJA- KERJA YANG BERKAITAN DI RUMAH PANGSA TAMAN TUN SARDON FASA 2, DTL	330,000.00
5.	2025	JALAN	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI RUMAH PANGSA TAMAN TUN SARDON FASA 2, DTL	150,000.00
JUMLAH				1,630,000.00

LAMPIRAN A**KERJA-KERJA NAIK TARAF DAN PENYELENGGARAAN
DI TAMAN TUN SARDON FASA 3
(PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN)**

BIL.	TAHUN	SKOP KERJA	TAJUK KERJA	AMAUN LULUS (RM)
1.	2024	PENDAWAIAN SEMULA ELEKTRIK	KERJA-KERJA PENDAWAIAN SEMULA LAMPU KORIDOR BLOK 3C SERTA KERJA BERKAITAN DI RUMAH PANGSA TAMAN TUN SARDON, FASA 3, DTL	250,000.00
2.	2025	PENDAWAIAN SEMULA ELEKTRIK	KERJA-KERJA PENDAWAIAN SEMULA LAMPU KORIDOR BLOK 3A SERTA KERJA YANG BERKAITAN DI RUMAH PANGSA TAMAN TUN SARDON, FASA 3, DTL	220,000.00
JUMLAH				470,000.00

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXI)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

13. Penduduk kawasan pemancar memohon agar Lot 642, Bandar Gelugor diubah suai kegunaannya bagi tujuan ruang hijau.
- (a) Apakah status terkini Lot 642, Bandar Gelugor dari segi hak milik dan kategori kegunaan tanah?
 - (b) Berikan maklumat terperinci berkaitan latar belakang, pemilikan dan status perancangan semasa atau akan datang bagi lot tersebut.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

13. (a) Berdasarkan maklumat Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Lot 642, Bandar Gelugor adalah masih berstatus tanah kerajaan. Sebahagian daripada Lot 642, Bandar Gelugor terlibat dengan cadangan pembangunan dengan kaedah *Request for Proposal* (RFP) yang diuruskan oleh Perbadanan Ketua Menteri (CMI) bagi tujuan pembangunan bercampur iaitu seluas 14.5 ekar.
- (b) Berdasarkan maklumat CMI mengenai perancangan semasa dan akan datang, terdapat lima (5) buah syarikat telah menyertai RFP dan tawaran yang tertinggi adalah dengan kadar sebanyak RM221.0 juta secara tunai dan 120 unit Perumahan Penjawat Awam yang berkeluasan 900 kaki persegi yang boleh dijual oleh Kerajaan Negeri pada kadar RM300,000.00 seunit. Nama syarikat akan didaftarkan di atas tanah seluas 14.5 ekar di atas Lot 642 selepas pembayaran penuh dilakukan. Kategori kegunaan tanah adalah

pembangunan bercampur yang melibatkan 40% unit perumahan dan 60% unit komersial. Penyediaan kawasan hijau atau tanah lapang akan disyaratkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang selaras dengan garis panduan Pihak Berkuasa Tempatan semasa Kebenaran Merancang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXI)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

14. Projek The Light Interchange.
- (a) Bilakah tarikh jangkaan siap projek ini dan bilakah ia dijangka boleh mula digunakan oleh pengguna jalan raya?
 - (b) Adakah terdapat sebarang pelan susulan atau fasa tambahan yang bakal dilaksanakan oleh pihak tetuan IJM selepas penyempurnaan projek ini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. (a) Tarikh jangkaan siap bagi Projek The Light Interchange adalah pada 30 April 2025. Walau bagaimanapun, laluan ini dijangka boleh mula digunakan oleh pengguna jalan raya secara berperingkat mulai pertengahan Mei 2025, setelah kerja-kerja pemeriksaan keselamatan dan pengesahan teknikal diselesaikan.
- (b) Pihak IJM Corporation Berhad telah mengenal pasti satu lagi projek susulan, iaitu pembinaan jejambat *elevated U-turn* berdekatan kawasan tersebut. Projek ini bagaimanapun adalah berasingan dan tidak memberi kesan langsung kepada penyempurnaan atau penggunaan The Light Interchange.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXI)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

15. Masalah kecurian kabel tembaga Telekom.
- (a) Nyatakan jumlah kes kecurian kabel tembaga milik Telekom yang telah direkodkan dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, serta anggaran kerugian yang dialami.
 - (b) Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak terlibat bagi mencegah kejadian ini daripada terus berlaku?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

15. Masalah kecurian kabel tembaga Telekom.
- (a) Jumlah kes kecurian kabel tembaga milik Telekom yang telah direkodkan dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, serta anggaran kerugian yang dialami adalah di **LAMPIRAN A**.
 - (b) Langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak terlibat bagi mencegah kejadian ini daripada terus berlaku adalah seperti berikut:

Semua Ketua Polis Daerah telah diarah untuk mempertingkatkan pencegahan jenayah dengan menambahkan anggota polis beruniform, membuat rondaan bit jalan kaki dan Unit Rondaan Bermotosikal (URB), rondaan kereta peronda (MPV) dan operasi-operasi berkala keatas tempat-tempat sasaran yang menghadapi peningkatan jenayah kecurian kabel.

Jenayah-jenayah yang menjadi penyumbang utama kecurian kabel akan ditangani secara lebih berkesan dengan mewujudkan *Task Force* samada di peringkat IPK dan daerah dalam usaha menangani jenayah tersebut.

Tindakan proaktif diambil bersama-sama agensi kerajaan yang lain dengan mengadakan Operasi Bersepadu disamping mempertingkatkan operasi-operasi yang sedia ada secara berkala seperti Op Pintu, Op Lejang dan Op Luluh. Kesemua penugasan ini ditumpukan pada tempat-tempat yang sering berlaku jenayah dan menjadi punca peningkatan kes jenayah khususnya kecurian kabel.

LAMPIRAN A

Perkara	Tahun 2021	Tahun 2022	Tahun 2023	Tahun 2024	Tahun 2025 Jan-Mac
Kecurian Kabel	23	19	80	64	2
Kerugian	RM476,814.00	RM120,000.00	RM2,078,949.97	RM1,012,797.61	RM18,460.20

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXI)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

16. Kadar bunuh diri di negeri.

- (a) Nyatakan kadar insiden bunuh diri di Jambatan Pulau Pinang bagi setiap tahun dari 2020 hingga 2025.
- (b) Perincikan data tersebut mengikut bangsa, umur dan jantina mangsa.
- (c) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

16. Kadar bunuh diri di negeri.

- (a) Pihak kerajaan telah menggantikan Seksyen 309 Kanun Keseksaan kepada Akta 615 Akta Kesihatan Mental 2001 dan yang telah di warta pada 27 September 2001. Oleh yang demikian data hanya dapat disediakan mengenai kadar insiden bunuh diri di Jambatan Pulau Pinang dari tahun 2019 hingga 2023 seperti **LAMPIRAN A**.
- (b) Perincian data mengikut bangsa, umur dan jantina mangsa dari tahun 2019 hingga 2023 seperti di **LAMPIRAN B**.
- (c) Tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dilaksanakan demi

membanteras kes bunuh diri daripada berleluasa diantaranya adalah:

(i) Penubuhan Unit Tindakan Khas oleh Polis:

- 1) Unit ini meronda secara berkala di kedua-dua jambatan utama di Pulau Pinang untuk mencegah kejadian bunuh diri.

(ii) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (anggota kesihatan)

- 1) Kes-kes sedemikian dikendalikan oleh Pakar Kesihatan Awam dan Pegawai Psikologi Kaunseling (Kaunselor);
- 2) Pasukan *Mental Health and Psychosocial Support (MHPSS)*;
- 3) Aksesibiliti perkhidmatan: Waktu pejabat; dan
- 4) Perkhidmatan Kesihatan Mental adalah perkhidmatan *essential* yang dijalankan secara berterusan di klinik-klinik kesihatan dan Hospital-hospital kerajaan.

(iii) Klinik Kesihatan (awam)

- 1) Kes-kes sedemikian dikendalikan oleh Pakar Perubatan Keluarga, Pegawai-pegawai Perubatan, anggota paramedik dan Pegawai Psikologi Kaunseling (Kaunselor). Pegawai Psikologi kontrak juga ditambah di beberapa fasiliti klinik kesihatan untuk membantu penyampaian perkhidmatan kesihatan mental.
- 2) Pasukan *Mental Health and Psychosocial Support (MHPSS)*.
- 3) Aksesibiliti perkhidmatan: Waktu pejabat.

(iv) Hospital (awam)

- 1) Kes-kes sedemikian dikendalikan oleh Pakar Psikiatri, Pakar Psikologi Klinikal (*Clinical*

- Psychologist*), Pegawai-pegawai Perubatan, Pegawai Psikologi Kaunseling (Kaunselor) dan anggota paramedik.
- 2) Pasukan *Mental Health and Psychosocial Support (MHPSS)*.
 - 3) Aksesibiliti perkhidmatan di hospital:
 - a) Waktu pejabat:
 - i) Temujanji
 - ii) Walk-in
 - b) Selepas waktu pejabat/cuti:
 - i) Pegawai bertugas atas panggilan
 - ii) Hadir untuk rawatan di Jabatan Kecemasan dan Traumatologi
- (v) MENTARI (Pusat Kesihatan Mental Masyarakat, KK Butterworth) (Awam)
- 1) Kes-kes sedemikian dikendalikan oleh Pakar Psikiatri, Pakar Psikologi Klinikal (*Clinical Psychologist*), Pegawai-pegawai Perubatan, Pegawai Psikologi Kaunseling (Kaunselor) dan anggota paramedik.
 - 2) Aksesibiliti perkhidmatan: Waktu pejabat
- (vi) Talian Kasih (Awam)
- 1) Talian *helpline* bebas tol 24 jam yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- (vii) Saluran Pendidikan (awam)
- 1) Webinar pendidikan telah diadakan dalam pelbagai saluran media. Ceramah kesihatan mental atas talian (contohnya radio talk dan sharing di FB live) dijalankan secara berkala. Dengan pembudayaan norma baharu, media sosial (Facebook, Whatsapp, sukarelawan KOSPEN) juga digunakan untuk menghebahkan talian sokongan dan servis psikososial. Manakala Kempen Kesedaran Kesihatan Mental terus berjalan di fasiliti kerajaan

secara edaran 'leaflet', pemasangan bunting dan poster.

(viii) Kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

- 1) Petugas-petugas kesihatan dan juga pegawai Jabatan Kerja Perubatan Sosial di hospital memberi khidmat nasihat dan bantuan sosial sewajarnya kepada pesakit berdaftar yang terkesan.

(ix) Kerjasama Dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)(Rujukan)

- 1) Rangkaian kerjasama di antara PERKESO, Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental Hospital Pulau Pinang dan Hospital Bukit Mertajam dan Unit Jurupulih Carakerja di kedua-dua hospital berkenaan telah dijalinan sebelum ini untuk program *RESTART (Re-employment support, treatment and rehabilitation teamwork)* dan *MyFutureJobs* dengan objektif untuk membantu pesakit yang mengalami masalah kesihatan mental untuk bekerja semula.
- 2) Proses ini meliputi penilaian, pemeriksaan, rawatan, latihan, pemantauan, pendidikan, di antara pihak hospital, PERKESO dan majikan dan kerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO).

(x) Pengenalan Talian HEAL 15555

- 1) Talian bantuan krisis kesihatan mental ini menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada individu yang memerlukan sokongan emosi.

(xi) Talian BEFRIENDERS (NGO)

- 1) Membantu dari segi sokongan emosi dan kaunseling.

(xii) Saringan Minda Sihat Atau DASS-21 (Depression, Anxiety, Stress Scale Bagi Penjawat Awam)

- 1) Ujian saringan bertulis untuk mengenal pasti tahap kemurungan, kerisauan dan stress seseorang, boleh didapati di semua fasiliti kerajaan dan di atas talian digunakan sebagai saringan.

LAMPIRAN A

TAHUN/ ISU	UMUR			AGAMA				BANGSA				KEKERAPAN PELAKU YANG SAMA	
	18 KE BAWAH	19-45	46 TAHUN KE ATAS	ISLAM	BUDDHA	HINDU	LAIN- LAIN	M	C	I	LAIN- LAIN	ADA	TIADA
2019	0	23	4	1	11	13	2	1	10	12	4	0	27
2020	1	17	6	5	8	9	2	5	7	8	4	0	24
2021	2	21	8	8	14	6	3	7	15	6	3	0	31
2022	0	23	7	7	17	6	0	7	17	6	0	0	30
2023	1	11	2	2	6	3	3	2	6	3	3	0	14
JUMLAH	4	95	27	23	56	37	10	22	55	35	14	0	126
PERATUSAN	3.2%	75.4%	21.4%	18.3%	44.4%	29.4%	8%	17.5%	43.7%	27.8%	11.1%	0%	100%

LAMPIRAN B

TAHUN/ ISU	UMUR			AGAMA				BANGSA				KEKERAPAN PELAKU YANG SAMA	
	18 KE BAWAH	19-45	46 TAHUN KE ATAS	ISLAM	BUDDHA	HINDU	LAIN- LAIN	M	C	I	LAIN- LAIN	ADA	TIADA
2019	0	23	4	1	11	13	2	1	10	12	4	0	27
2020	1	17	6	5	8	9	2	5	7	8	4	0	24
2021	2	21	8	8	14	6	3	7	15	6	3	0	31
2022	0	23	7	7	17	6	0	7	17	6	0	0	30
2023	1	11	2	2	6	3	3	2	6	3	3	0	14
JUMLAH	4	95	27	23	56	37	10	22	55	35	14	0	126
PERATUSAN	3.2%	75.4%	21.4%	18.3%	44.4%	29.4%	8%	17.5%	43.7%	27.8%	11.1%	0%	100%

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXI)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

17. Penang Future Foundation (PFF).
- (a) Adakah program PFF masih aktif?
 - (b) Berapakah jumlah penerima biasiswa sejak penubuhannya, mengikut bidang pengajian?
 - (c) Apakah mekanisme yang digunakan untuk memastikan graduan kekal menyumbang di Pulau Pinang selepas pengajian?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

17. (a) Program *Penang Future Foundation* (PFF) masih aktif sehingga kini. Walau bagaimanapun, dana PFF ini semakin berkurangan dan memerlukan sokongan tambahan daripada sektor korporat bagi memastikan kesinambungannya.
- (b) Sejak dilancarkan pada tahun 2015, PFF telah memberikan 805 biasiswa kepada pelajar Malaysia yang cemerlang dan layak. Biasiswa ini ditawarkan khusus kepada pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), Perakaunan serta Kewangan di universiti awam dan swasta tempatan. Setakat ini, seramai 532 penerima biasiswa telah berjaya menamatkan pengajian mereka, yang mana 284 daripada mereka telah menyelesaikan tempoh ikatan perkhidmatan wajib dan kini bekerja di syarikat multinasional (MNC) serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Pulau Pinang.

- (c) PFF menetapkan bahawa penerima biasiswa diwajibkan untuk berkhidmat di Pulau Pinang dalam tempoh antara satu (1) hingga lapan (8) tahun, bergantung kepada jumlah biasiswa yang diterima. Mekanisme untuk memastikan graduan kekal menyumbang di Pulau Pinang selepas pengajian adalah penerima diwajibkan menandatangani kontrak yang menetapkan tempoh perkhidmatan wajib di Pulau Pinang tersebut. PFF turut memantau status pekerjaan secara tahunan dan memastikan pematuhan kontrak. Jika penerima gagal memenuhi kewajipan, mereka perlu membayar balik biasiswa penuh. Sekiranya bayaran balik tidak dilakukan selepas notis, tindakan undang-undang boleh diambil.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXI)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

18. George Town Festival 2025.

- (a) Apakah tema dan fokus utama untuk GTF2025?
- (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri merancang untuk meningkatkan penyertaan komuniti tempatan dalam festival ini?
- (c) Apakah inisiatif baru atau perubahan yang dirancang untuk menarik lebih ramai pengunjung domestik dan antarabangsa pada tahun 2025?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. (a) George Town Festival 2025 akan berlangsung dari 2 hingga 10 Ogos 2025 dengan tema *Connection*. Tema ini akan menonjolkan hubungan antara seni dan pengalaman manusia. Festival ini memberi fokus kepada kolaborasi antara artis tempatan dan antarabangsa, penglibatan komuniti dan penggunaan lokasi bersejarah di George Town. Selain persembahan fizikal, festival ini juga memperluaskan capaian melalui platform digital. Identiti visual baharu turut diperkenalkan untuk menyerlahkan warisan Pulau Pinang. George Town Festival 2025 bertujuan memperkukuhkan peranan George Town sebagai hab seni dan budaya serantau yang dinamik dan inklusif.
- (b) Antara matlamat utama penganjuran George Town Festival 2025 adalah untuk menampilkan persembahan dan pameran

antarabangsa bagi mendedahkan karya seni tersebut kepada artis tempatan. Selain daripada pertunjukan, bengkel-bengkel yang dianjurkan oleh artis luar negara juga dapat memberi ilham serta memperkaya pengetahuan artis tempatan dan komuniti setempat. Melalui usaha ini, kita dapat memperkasa dan meningkatkan taraf seni, bukan sahaja di Pulau Pinang, malah di seluruh Malaysia. Bagi meningkatkan penyertaan komuniti setempat, sebanyak 60% daripada program yang dianjurkan pada festival kali ini akan ditawarkan secara percuma.

- (c) Untuk mempromosikan George Town Festival 2025, visual utama festival akan diumumkan di platform media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter, diikuti dengan kemaskini program untuk mengekalkan keterlibatan pengikut tempatan. Surat berita (*Newsletter*) akan dihantar dua (2) kali bermula Mei kepada lebih daripada 5,000 kontak menggunakan platform *Brevo* bagi berkongsi maklumat terkini dan sorotan utama festival. Sebelum acara utama, program pra-festival dan pameran seni visual akan diadakan di ruang-ruang awam di Pulau Pinang bagi memperkenalkan festival ini kepada orang ramai. Semasa festival pula, pemasangan papan iklan, *bunting*, iklan LED dan pembalutan bas Rapid Penang akan dilakukan bagi meningkatkan promosi festival, selain jualan barangan rasmi sebagai cenderamata untuk pengunjung tempatan.

Bagi memperluaskan liputan George Town Festival 2025 ke peringkat antarabangsa, George Town Festival 2025 akan bekerjasama dengan media seni terkemuka di Asia seperti *ArtAsiaPacific*, *ArtsEquator* dan *Plural Art Mag*. Kerjasama ini bertujuan untuk memaparkan program utama dan karya seni festival, serta memberikan sorotan pengalaman di sebalik tabir kepada artis. Usaha ini akan membantu meningkatkan capaian festival di kalangan pengunjung antarabangsa dan memperkenalkan keunggulan artistik George Town Festival 2025 di rantau ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXI)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

19. Status perancangan penaiktarafan Dewan Sri Pinang serta Galeri Seni Negeri Pulau Pinang.
- (a) Apakah status terkini perancangan kerja-kerja penaiktarafan Dewan Sri Pinang?
 - (b) Adakah itu termasuk penaiktarafan Galeri Seni Negeri Pulau Pinang? Nyatakan skop kerja yang dirancang, anggaran kos serta jangka masa pelaksanaan projek tersebut.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. (a) Projek Pembangunan Semula Dewan Sri Pinang (DSP) telah diluluskan untuk dilaksanakan bermula tahun 2025 atas dasar pinjaman peruntukan yang berjumlah RM52 juta daripada Kerajaan Persekutuan. Projek ini akan dilaksanakan sepenuhnya oleh Pihak Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) termasuk proses perolehannya. Status pelaksanaan projek adalah masih diperingkat awal bagi mengenal pasti keperluan Kerajaan Negeri selaku pelanggan dalam menentukan skop projek yang muktamad. Buat masa ini pihak pelanggan masih dalam proses memuktamadkan *Schedule of Accommodation* (SOA) untuk diserahkan kepada pihak Ibu Pejabat JKR untuk tindakan selanjutnya.
- (b) Skop kerja menaik taraf Galeri Seni Negeri belum dimuktamadkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXI)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

20. Taman kejiranan di KADUN Seri Delima.
- (a) Senaraikan taman kejiranan sedia ada di KADUN Seri Delima, termasuk lokasi dan saiz masing-masing.
 - (b) Apakah status cadangan membina bumbung dan menaik taraf Gelanggang Bola Keranjang Taman Jepun, Island Park?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. (a) Terdapat keseluruhan 17 taman kejiranan di Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seri Delima. Perincian maklumat taman kejiranan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Pada ketika ini pihak MBPP sedang dalam proses melantik perunding arkitek bagi cadangan pembinaan bumbung dan naik taraf gelanggang bola keranjang di Taman Jepun, Island Park. Surat pelawaan kepada perunding yang berminat juga telah dikeluarkan oleh pihak MBPP pada 21 Februari 2025 dan tempoh pelawaan tersebut berakhir pada 02 Mei 2025.

LAMPIRAN A

SENARAI TAMAN KEJIRANAN SEDIA ADA DI KADUN SERI DELIMA

NO.	LOKASI	NO LOT	KELUASAN (M ²)
1.	TAMAN KEJIRANAN JALAN BUNGA RAYA	1121, GELUGOR	1,738
2.	TAMAN KEJIRANAN JALAN GANGSA	4716 & 3487 GEORGE TOWN SEK. 5	2,642
3.	TAMAN KEJIRANAN KARPAL SINGH LORONG DELIMA 11	2738, GEORGE TOWN SEK. 5	9,163
4.	TAMAN KEJIRANAN LINTANG DELIMA 10	3955, GEORGE TOWN SEK. 5	3,040
5.	TAMAN KEJIRANAN LINTANG DELIMA 2	1980, GEORGE TOWN SEK. 5	1,229
6.	TAMAN KEJIRANAN LINTANG DELIMA 3	4776, GEORGE TOWN SEK. 5	5,982
7.	TAMAN KEJIRANAN LORONG DELIMA 13	3150 & 4614, GEORGE TOWN SEK. 5	4,734
8.	TAMAN KEJIRANAN SOLOK TEMBAGA	4168, GEORGE TOWN SEK. 5	2,161
9.	TANAH LAPANG CANGKAT BUKIT GAMBIR	10054, GEORGE TOWN SEK. 5	595
10.	TANAH LAPANG CANGKAT BUKIT GAMBIR 1	10055, GEORGE TOWN SEK. 5	253
11.	TANAH LAPANG JALAN GANGSA (TEPI SUNGAI)	4663, GEORGE TOWN SEK. 5	4,686
12.	TANAH LAPANG JAPANESE GARDEN	602 & 600, GEORGE TOWN SEK. 5	10,109
13.	TANAH LAPANG LINTANG DELIMA 4	3956, GEORGE TOWN SEK. 5	500
14.	TANAH LAPANG LORONG DELIMA 17	3112, GEORGE TOWN SEK. 5	6,014
15.	TANAH LAPANG LORONG DELIMA 9	2340, GEORGE TOWN SEK. 5	8,788
16.	TANAH LAPANG SOLOK TEMBAGA	TIADA LOT	1,707
17.	TANAH LAPANG SOLOK TEMBAGA 4	1445, GEORGE TOWN SEK. 5	253

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXI)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

21. Pejabat KADUN telah menerima laporan mengenai seorang pesakit HIV yang telah menamatkan hukuman penjara dan kini hidup dalam keadaan gelandangan, termasuk tidur di atas jambatan. Apakah program atau inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh agensi berkaitan untuk membantu banduan atau bekas banduan membina semula kehidupan mereka selepas keluar dari penjara?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Sebagai usaha untuk membantu golongan banduan untuk membina semula kehidupan mereka, beberapa program dan inisiatif sedang dijalankan oleh agensi berkaitan seperti berikut:

(a) PROGRAM I-KEMBALI

(i) Pihak terlibat:

- 1) Jabatan Penjara Malaysia, Pertubuhan Rakan Ghullam Kembali (PERGAK) dan Ghullam Development Sdn Bhd

(ii) Komponen utama:

- 1) Latihan kemahiran dalam sektor perkilangan, pertanian, perkhidmatan, pembinaan, pemasaran dan pengurusan.
- 2) Saringan awal dan pemilihan peserta melalui pusat pemulihan khas.

- 3) Penempatan pekerjaan dengan pemantauan dan sokongan lanjutan bagi memudahkan integrasi ke dalam masyarakat.
- (b) RE-ENTRY@MYFUTUREJOBS & HEADS UP SECOND CHANCE – PERKESO
- (i) Pihak terlibat:
 - 1) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
 - (ii) Komponen Utama:
 - 1) Menyediakan peluang pekerjaan dan latihan kepada bekas banduan, Orang Diparol (ODP), Orang Diselia (ODS), Orang Bebas Berlesen (OBB).
 - 2) Menyediakan sokongan vokasional, latihan kemahiran, dan bimbingan kerjaya.
 - 3) Mengurangkan stigma masyarakat dan mengelakkan kitaran semula jenayah.
- (c) BANTUAN KEBAJIKAN OLEH JKM
- (i) Bentuk bantuan:
 - 1) Bantuan Kewangan Am (*bagi yang tiada sumber pendapatan tetap mengikut kelayakan*)

Penempatan sementara (bergantung kepada keadaan dan kelayakan).

Untuk maklumat lanjut, pihak KADUN boleh menghubungi atau merujuk individu berkenaan kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan lanjut. Sekiranya individu tersebut didapati mempunyai masalah kesihatan, pihak JKM akan membuat rujukan kepada agensi yang berkaitan bagi tujuan rawatan kesihatan, pemulihan, atau penempatan perumahan yang bersesuaian.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXI)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

22. Kempen pengurangan penggunaan plastik dan straw.
- (a) Apakah status semasa Kempen Tanpa Beg Plastik Setiap Hari dan Tanpa Straw?
 - (b) Apakah garis panduan rasmi yang diguna pakai? Kemukakan garis panduan tersebut.
 - (c) Sejauh manakah keberkesanan kempen ini dalam mengurangkan penggunaan plastik dan straw di Pulau Pinang?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. (a) Status semasa Kempen Tanpa Beg Plastik Setiap Hari dan Tanpa Straw adalah seperti berikut: Kerajaan Negeri serta agensi/ jabatan kerajaan seperti MBPP, MBSP dan PGC telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan kempen kesedaran antaranya seperti:
- (i) Edaran 10,000 salinan poster kempen rasmi dalam empat bahasa ke premis-premis perniagaan;
 - (ii) Edaran sebanyak 100,000 helai beg kain di Negeri Pulau Pinang secara berperingkat;
 - (iii) Menjalankan promosi kempen melalui visual iklan di papan iklan; dan

- (iv) Sesi bengkel bersama pihak berkepentingan untuk menambah baik dan mengemaskini garis panduan sedia ada.
- (b) Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) sedang menyediakan garis panduan yang terkini dimana garis panduan terkini masih diperingkat pemurnian dan semakan. Walau bagaimanapun, pada kini agensi pelaksana menggunakan garis panduan sedia ada seperti di lampiran sementara garis panduan baharu yang lebih lengkap dan terperinci akan dimuktamadkan.
- (c) Keberkesanan kempen ini dapat diperhatikan melalui memperkenalkan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik pada tahun 2021, permintaan terhadap beg plastik oleh pengguna telah menurun sebanyak 78% dari tahun 2020 hingga 2021, diikuti dengan penurunan tambahan sebanyak 28% dari tahun 2021 ke 2022.

Kajian *Phase Out Single Use Plastic Survey 2023* oleh Penang Green Council mendapati 82.1% responden menyokong inisiatif pengurangan beg plastik sebagai langkah berkesan, manakala 9.0% telah pun berhenti menggunakannya sebelum inisiatif dimulakan pada Januari 2021.

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan, dapat disimpulkan bahawa kedua-dua pihak, iaitu pengguna dan peniaga, menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi serta kesediaan untuk menghentikan penggunaan beg plastik dan penyedut minuman plastik. Perkara ini membuktikan bahawa pelaksanaan kempen berkenaan telah berjaya meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan mengurangkan penggunaan plastik sekali guna.



**GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN
KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK PERCUMA
NEGERI PULAU PINANG
2017**

1.0 TUJUAN

Garis Panduan Penguatkuasaan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma Negeri Pulau Pinang 2017 (*Plastic Bag 2.0*) disediakan bertujuan sebagai asas panduan serta rujukan bagi pematuhan kepada semua premis perniagaan yang dikategorikan terlibat dengan pelaksanaan kempen tersebut. Penyediaan Garis Panduan Penguatkuasaan Kempen Hari Tanpa Bag Plastik Percuma juga bertujuan menyediakan panduan kepada semua pihak berkepentingan (*stakeholders*) bagi pelaksanaan kempen secara bersepadu dan holistik.

2.0 LATAR BELAKANG

Kerajaan Negeri Pulau Pinang selaras dengan dasar *Cleaner, Greener, Safer, Healthier & Happier Penang* berhasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bersih, mempunyai alam sekitar yang hijau dan mampan, selamat untuk didiami dan mempunyai masyarakat serta persekitaran yang sihat. Berteraskan kepada dasar ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi memelihara, memulih serta mempertahankan alam sekitar dan ekosistem di Negeri Pulau Pinang.

Penggunaan beg plastik tanpa kawalan mampu memberi ancaman besar kepada alam sekitar dan kesihatan jika tiada perancangan yang teliti mengenai pengurusan penggunaan bahan plastik tersebut. Beg plastik mengambil masa 400 hingga 1000 tahun untuk mereput sepenuhnya sebelum ia menjadi partikel halus. Beg plastik biasanya dihasilkan dari bahan kimia bertoksik seperti xylene, ethylene oxide dan benzene yang mampu memudaratkan alam sekitar dan kesihatan. Justeru itu, Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma telah diperkenalkan di Pulau Pinang sebagai salah satu teras utama dalam pelaksanaan dasar *Cleaner, Greener, Safer, Healthier & Happier Penang*.

3.0 OBJEKTIF

Objektif utama pelaksanaan kempen *Plastic Bag 2.0* adalah bertujuan:-

- (i) Mengurangkan kuantiti penggunaan jumlah beg plastik yang memudaratkan alam sekitar;
- (ii) Meningkatkan kesedaran dalam memelihara alam sekitar;
- (iii) Menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri Hijau;
- (iv) Mengurangkan perbelanjaan negeri bagi kos pelupusan sisa pepejal melibatkan beg plastik; dan

- (v) Sebagai tindakbalas ke atas kajian yang menunjukkan bahawa peningkatan kes banjir kilat dan demam denggi adalah disebabkan oleh pembuangan beg plastik secara berleluasa ke laluan air dan parit.

4.0 PRINSIP DAN KONSEP

Secara asasnya, Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma akan menggunakan prinsip dan konsep yang masih mengekalkan kenaaan **caj sumbangan kutipan bagi setiap helai beg plastik** yang dibekalkan kepada pengguna di kaunter bayaran premis-premis perniagaan yang ditetapkan. Hasil caj sumbangan kutipan yang diperolehi dari jualan beg plastik tersebut mesti diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Beg plastik merujuk kepada sebarang bentuk beg yang dibekalkan kepada pengguna di kaunter bayaran, di mana komponen asasnya diperbuat daripada plastik (polimer sintetik/semi sintetik) dan juga termasuk beg plastik bio-degradasi (*bio-degradable plastic bag*). **Plastik bagi pembungkusan (*wrapper*) produk/minuman/makanan tidak termasuk sebagai kategori beg plastik yang dikenakan caj sumbangan kutipan dalam kempen ini.**

Pelaksanaan dan kadar caj sumbangan kutipan beg plastik yang dikenakan berkuatkuasa 1 Januari 2021 adalah seperti berikut:-

- **RM1.00** bagi setiap helai beg pada setiap hari **Khamis, Jumaat, Sabtu dan Ahad**; dan
- Tiada beg plastik yang akan dibekalkan oleh premis-premis perniagaan terlibat pada setiap hari Isnin, Selasa dan Rabu sempena Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Negeri Pulau Pinang (*No Plastic Bag Day*).

Nilai RM1.00 yang dikenakan kepada pengguna adalah tidak termasuk cukai barangan dan perkhidmatan.

Caj sumbangan kutipan terkumpul yang diterima oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan disalurkan **ke Akaun Tabung Amanah Kebajikan Negeri Pulau Pinang** bagi kegunaan program-program kebajikan masyarakat di Pulau Pinang.

Pemberian beg plastik dan caj RM1.00 adalah **tidak dibenarkan** pada hari yang diisytiharkan oleh Kerajaan Negeri sebagai hari bebas beg plastik melalui Kempen Hari Tanpa Beg Plastik (*No Plastic Bag Day*).

5.0 PUNCA KUASA

Pelaksanaan *Plastic Bag 2.0* adalah melalui syarat tambahan permohonan baharu atau pembaharuan lesen perniagaan di bawah peruntukan Seksyen 107 (2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu:-

“Tiap-tiap lesen atau permit yang diberi tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan dan boleh dibatalkan oleh pihak berkuasa tempatan pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.”

Berdasarkan sub-seksyen ini, PBT mempunyai kuasa untuk mewajibkan premis perniagaan supaya turut serta dalam Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma Negeri Pulau Pinang.

6.0 GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN

6.1 PENDAFTARAN

- (i) Premis perniagaan yang wajib berdaftar dengan Pelaksanaan *Plastic Bag 2.0* adalah terdiri daripada semua premis perniagaan sedia ada dan premis perniagaan baharu yang akan mula beroperasi dalam kategori berikut:-
 - (a) Pasaraya Hyper (*Hypermarket*);
 - (b) Pasaraya Besar (*Supermarket*);
 - (c) Pasaraya Serbaneka (*Departmental store*);
 - (d) Kedai Serbaneka (*Convenient store*);
 - (e) Restoran Makanan Segera (*Fast Food Restaurant*);
 - (f) Kedai Serbaneka Stesen Minyak (*Petrol Station Convenient Store*);
 - (g) Kedai Rangkaian (*Chain Store*);
 - (h) Farmasi (*Pharmacy*); dan
 - (i) Lain-lain premis perniagaan berkaitan yang akan dimasukkan ke dalam senarai ini pada masa akan datang (*Others*).
- (ii) Pasar awam dan penjaja adalah dikecualikan.
- (iii) Setiap premis perniagaan yang disenaraikan dibawah para 6.1 (i) **sama ada membekalkan atau tidak membekalkan beg plastik kepada**

pengguna perlu berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) berikut:-

- Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP); atau
 - Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)
- (iv) Premis perniagaan yang memohon lesen premis perniagaan di dalam kawasan pentadbiran MBPP perlu berdaftar dengan MBPP dan premis perniagaan yang memohon lesen premis perniagaan di kawasan pentadbiran MBSP perlu berdaftar dengan MBSP.
- (v) Setiap premis perniagaan sedia ada di bawah kategori para 6.1 (i) diberi tempoh selama **30 hari** untuk membuat pendaftaran dalam kempen *Plastic Bag 2.0* bermula dari **1 Mac 2017 sehingga 31 Mac 2017**.
- (vi) Setiap premis perniagaan baharu di bawah kategori para 6.1 (i) yang baru memulakan perniagaan bermula **1 Mac 2017** dan seterusnya perlu serta merta berdaftar dengan kempen *Plastic Bag 2.0* serentak dengan permohonan lesen premis perniagaan melalui PBT yang berkaitan.
- (vii) Satu pendaftaran adalah untuk satu premis perniagaan. Perniagaan yang mempunyai cawangan perlu mendaftarkan setiap cawangan secara individu berdasarkan lesen premis perniagaan yang dikeluarkan oleh PBT.
- (viii) Lokasi bagi pendaftaran adalah seperti berikut:-

(a) MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

Bahagian Pelesenan MBPP
Dewan Bandaraya,
Jalan Padang Kota Lama,
10200 George Town,
Pulau Pinang

(b) MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Kaunter Berpusat
Majlis Bandaraya Seberang Perai
Jalan PERDA Utama
Bandar PERDA
14000 Bukit Mertajam

- (ix) Masa pendaftaran adalah setiap **ISNIN hingga JUMAAT** dari jam **9.00 pagi hingga 4.30 petang**.
- (x) Setiap pendaftaran atau pembaharuan perlu menggunakan Borang PB-A (**LAMPIRAN A**) mengikut PBT masing-masing dan disertakan bersama sesalinan photostat:-
 - (a) Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM); dan
 - (b) Lesen Premis Perniagaan.
- (xi) Setiap premis perniagaan yang berdaftar akan diberikan nombor pendaftaran kempen khusus yang perlu digunakan sebagai rujukan bagi setiap urusan yang melibatkan Kempen *Plastic Bag 2.0*.
- (xii) Nombor pendaftaran kempen khusus yang diberikan akan **KEKAL** dengan premis perniagaan selagi ianya masih beroperasi di lokasi yang sama. Pendaftaran baharu perlu dibuat sekiranya perniagaan berpindah.
- (xiii) Setiap premis perniagaan yang berdaftar dengan PBT akan diberikan **SIJIL PENYERTAAN PREMIS KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK PERCUMA NEGERI PULAU PINANG (LAMPIRAN B)** yang membenarkan premis perniagaan membuat caj sumbangan kutipan RM1.00 bagi setiap helai beg plastik yang dibekalkan di kaunter bayaran kepada pengguna.
- (xiv) Sijil Penyertaan Premis Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma Negeri Pulau Pinang adalah eksklusif kepada perniagaan atau premis yang memohon dan tidak boleh dipinjam/pindahmilik kepada mana- mana perniagaan atau premis lain.
- (xv) Sijil Penyertaan Premis Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma Negeri Pulau Pinang mesti dipamerkan dengan jelas untuk dilihat oleh

pengguna sebagai bukti kebenaran untuk membuat caj sumbangan kutipan RM1.00 bagi setiap helai beg plastik yang dikeluarkan kepada pengguna.

- (xvi) Hanya premis perniagaan berdaftar sahaja dibenarkan untuk membuat caj sumbangan kutipan RM1.00 bagi setiap helai beg plastik yang dikeluarkan.
- (xvii) Premis perniagaan yang membuat caj sumbangan kutipan tanpa berdaftar dengan PBT akan dikenakan tindakan di bawah Seksyen 107 (2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 melalui pembatalan lesen premis perniagaan.
- (xviii) Pendaftaran kempen hanya sah untuk tempoh satu (1) tahun dan perlu diperbaharui setiap tahun apabila tamat tempoh yang ditetapkan.
- (xix) Tempoh sah laku Sijil Penyertaan Premis Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma Negeri Pulau Pinang akan diselaraskan ke tarikh tamat Lesen Premis Perniagaan.
- (xx) Pendaftaran Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma perlu diperbaharui setiap tahun sebagai satu syarat bagi proses pembaharuan lesen perniagaan.

6.2 KAEDAH KUTIPAN

- (i) Setiap premis perniagaan yang telah berdaftar dengan Kempen *Plastic Bag 2.0* dibenarkan untuk mengenakan caj sebanyak RM1.00 bagi setiap helai beg plastik yang dibekalkan kepada pelanggan di premis perniagaan semasa membuat bayaran.
- (ii) Caj sumbangan kutipan terkumpul bagi penggunaan bag plastik di premis perniagaan terlibat dengan Kempen *Plastic Bag 2.0* perlu diserahkan kepada PBT sebelum 15 haribulan melalui pilihan opsyen berikut:-

Opsyen 1 : Serahan sekali setiap bulan;

Opsyen 2 : Serahan sekali setiap dua (2) bulan; atau

Opsyen 3 : Serahan sekali setiap tiga (3) bulan.

- (iii) Serahan bagi opsyen 2 & 3 perlu diperincikan dengan maklumat caj sumbangan kutipan yang diterima mengikut setiap bulan.
- (iv) Serahan terkumpul yang diserahkan tidak boleh melebihi tempoh tiga (3) bulan.
- (v) Serahan caj sumbangan kutipan perlu menggunakan BORANG PB-S **(LAMPIRAN C)** beserta maklumat inventori stok beg plastik perniagaan dan dikemukakan di kaunter bayaran PBT yang berkaitan.
- (vi) Serahan caj sumbangan kutipan perlu diserahkan secara tunai atau menggunakan cek atas nama **MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG** atau **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI** mengikut kawasan premis perniagaan didaftarkan.
- (vii) Serahan caj sumbangan kutipan mesti diserahkan secara individu mengikut premis perniagaan yang didaftarkan menggunakan BORANG PB-S mengikut premis perniagaan beserta tunia atau cek bagi kutipan.
- (viii) Serahan caj sumbangan kutipan mesti dibuat mengikut waktu operasi PBT di lokasi berikut:-

(a) MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

Pejabat MBPP
Paras 3, KOMTAR
Jalan Penang
10675 Pulau Pinang

Pejabat MBPP Balik Pulau
1, Jalan Tun Sardon
11000 Balik Pulau
Pulau Pinang

Pusat Bayaran Setempat MBPP
Jalan Padang Kota Lama
10200 George Town
Pulau Pinang

(b) MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Kaunter Berpusat
Majlis Bandaraya Seberang Perai
Jalan PERDA Utama
Bandar PERDA
14000 Bukit Mertajam

- (ix) Premis yang mempunyai lebih dari satu cawangan dibenarkan membuat serahan secara tunai atau menggunakan satu cek secara bersekali. Walau bagaimanapun, BORANG PB-S masih perlu diisi mengikut premis yang didaftarkan.

Contoh:-

Syarikat Z mempunyai lima (5) cawangan iaitu A,B,C,D dan E. Cawangan A, B & C beroperasi di kawasan MBPP dan Cawangan D & E beroperasi di kawasan MBSP.

Serahan kutipan bagi cawangan A, B & C perlu dibuat kepada MBPP menggunakan tiga (3) BORANG PB-S bagi setiap cawangan dan boleh disertakan dengan wang tunai atau satu cek untuk jumlah caj sumbangan kutipan bagi ketiga-tiga cawangan A, B dan C tersebut. Kaedah yang sama boleh digunapakai bagi serahan di MBSP.

- (x) PBT akan mengeluarkan resit sebagai bukti penerimaan serahan caj sumbangan kutipan beg plastik dari premis perniagaan. Bukti serahan caj sumbangan kutipan juga akan dijadikan syarat bagi memperbaharui lesen premis perniagaan.

6.3 PENGECUALIAN CAJ SUMBANGAN KUTIPAN

- (i) Premis perniagaan yang berdaftar dengan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma dan tidak membekalkan beg plastik kepada pengguna perlu juga membuat serahan bulanan kepada PBT menggunakan BORANG PB-S dengan **deklarasi TIADA CAJ SUMBANGAN KUTIPAN**.
- (ii) Premis perniagaan yang menyerahkan BORANG PB-S dengan deklarasi **TIADA CAJ SUMBANGAN KUTIPAN** selama **tiga (3) bulan** berturut-turut boleh memohon kepada PBT bagi pengecualian daripada membuat serahan caj sumbangan kutipan secara bulanan untuk

bulan-bulan yang berikutnya dengan mengisi **BORANG PB-F (LAMPIRAN D)**.

- (iii) Semakan akan dilaksanakan oleh PBT di premis perniagaan yang mengemukakan permohonan pengecualian caj sumbangan kutipan bagi tujuan pengesahan bahawa premis perniagaan berkenaan tidak lagi membekalkan beg plastik kepada pengguna.
- (iv) Premis perniagaan yang telah disahkan tidak membekalkan beg plastik kepada pengguna akan diberikan **SIJIL PREMIS BEBAS BEG PLASTIK NEGERI PULAU PINANG (LAMPIRAN E)**.
- (v) Premis perniagaan perlu menyerahkan SIJIL PENYERTAAN PREMIS KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK PERCUMA NEGERI PULAU PINANG kepada PBT sebagai syarat untuk digantikan dengan SIJIL PREMIS BEBAS BEG PLASTIK NEGERI PULAU PINANG yang perlu dipamerkan di premis perniagaan.
- (vi) Premis perniagaan yang telah diberikan SIJIL PREMIS BEBAS BEG PLASTIK NEGERI PULAU PINANG tidak perlu lagi membuat serahan caj sumbangan kutipan bulanan kepada PBT.
- (vii) SIJIL PREMIS BEBAS BEG PLASTIK NEGERI PULAU PINANG perlu diperbaharui setiap tahun oleh premis perniagaan setelah ianya tamat tempoh.

7.0 PENUTUP

- 7.1 Garis Panduan Penguatkuasaan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma Negeri Pulau Pinang 2017 diwujudkan dan dikuatkuasakan berdasarkan kepada maklumat sedia ada semasa ianya dirangka. Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak meminda dan menambahbaik garis panduan ini sekiranya perlu berpandukan perkembangan terkini dan keperluan dari semasa ke semasa.

LAMPIRAN A

-CONTOH-

BORANG PB-A



PENDAFTARAN KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK PERCUMA NEGERI PULAU PINANG

1. NAMA PERNIAGAAN :
2. NO. PENDAFTARAN : : PERNIAGAAN
3. ALAMAT PREMIS :
4. PEGAWAI UNTUK : DIHUBUNGI
5. NO. TELEFON : - 6. NO. FAX : -
7. EMEL :
8. JENIS PENDAFTARAN : PENDAFTARAN PERTAMA PEMBAHARUAN [SILA TANDAKAN (V)]
9. NO. PENDAFTARAN : (BAGI PEMBAHARUAN PENDAFTARAN SAHAJA) KEMPEN
10. KOD JENIS PREMIS : (BAGI PENDAFTARAN PERTAMA SAHAJA)

KOD JENIS PREMIS	
H	Hypermarket
S	Supermarket
D	Departmental Store
C	Convenient Store
F	Fast Food Restaurant
P	Petrol Station Convenient Store
R	Chain Store
Y	Pharmacy
O	Others

Untuk Kegunaan Pejabat:

- NO PENDAFTARAN :
- NO SIRI SIJIL :
- TARIKH TAMAT PENDAFTARAN: / /

.....
TANDATANGAN & COP RASMI

LAMPIRAN B

-CONTOH-

NO. SIRI :

**SIJIL PENYERTAAN PREMIS
KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK PERCUMA NEGERI PULAU PINANG**

NAMA PERNIAGAAN : SYARIKAT SAAD & HUSAINI

NO. PENDAFTARAN PERNIAGAAN : P82761599

**ALAMAT PREMIS : NO. 1, JALAN 2, LINTANG PERMATANG 3,
65700 SEBERANG PERAI UTARA
PULAU PINANG**

NO PENDAFTARAN KEMPEN : SPU 2314 H

TARIKH SAH SIJIL : 1 JANUARI 2021 – 31 DISEMBER 2021

CAJ KUTIPAN : RM1.00 BAGI SETIAP HELAI BEG PLASTIK

**HARI KUTIPAN : KHAMIS, JUMAAT, SABTU & AHAD SAHAJA
ISNIN, SELASA DAN RABU TIADA BEG PLASTIK**

ADALAH DIMAKLUMKAN BAHAWA PREMIS PERNIAGAAN INI MERUPAKAN PESERTA DALAM KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK PERCUMA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG. SEHUBUNGAN ITU, CAJ SUMBANGAN KUTIPAN RM1.00 YANG DIKENAKAN BAGI PENGGUNAAN SETIAP HELAIAN BEG PLASTIK OLEH TUAN/PUAN AKAN DISALURKAN KEPADA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG UNTUK KEGUNAAN AKAUN TABUNG AMANAH KEBAJIKAN NEGERI PULAU PINANG.

SEKIAN, TERIMA KASIH.



NO. SIRI SIJIL BEBAS BEG PLASTIK :

ID551/21

14

LAMPIRAN E

-CONTOH-

NO. SIRI :



**SIJIL
PREMIS BEBAS BEG PLASTIK NEGERI PULAU PINANG**

NAMA PERNIAGAAN :

NO. PENDAFTARAN
PERNIAGAAN :

ALAMAT PREMIS :

NO PENDAFTARAN
PREMIS :

TARIKH SAH SIJIL :

ADALAH DIMAKLUMKAN BAHAWA PREMIS PERNIAGAAN YANG TERTERA DI ATAS ADALAH PREMIS BEBAS BEG PLASTIK DAN MERUPAKAN RAKAN HIJAU KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG. SEHUBUNGAN ITU, TIADA BEG PLASTIK YANG AKAN DIBEKALKAN UNTUK SEBARANG TRANSAKSI DI PREMIS INI.





**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN KEMPEN
TAK NAK PLASTIK SEKALI GUNA
(*NO TO SINGLE-USE PLASTIC*)
NEGERI PULAU PINANG
2019**

1.0 TUJUAN

- 1.1 **Garis Panduan Pelaksanaan Kempen Tak Nak Plastik Sekali Guna (No To Single-Use Plastic) Negeri Pulau Pinang 2019** disediakan bertujuan sebagai asas panduan serta rujukan bagi penyertaan premis perniagaan makanan dan minuman yang dikategorikan terlibat dengan pelaksanaan kempen tersebut. Penyediaan Garis Panduan ini juga bertujuan menyediakan panduan kepada semua pihak berkepentingan (*stakeholders*) bagi memastikan pelaksanaan kempen dapat dilaksanakan secara bersepadu dan holistik. Kempen ini merupakan asas kepada sasaran untuk larangan secara berperingkat penggunaan *Single-Use Plastic* di Negeri Pulau Pinang.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan Negeri Pulau Pinang selaras dengan dasar *Cleaner, Greener, Safer, Healthier & Happier Penang* berhasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang bersih, mempunyai alam sekitar yang hijau dan mampan, selamat untuk didiami dan mempunyai masyarakat serta persekitaran yang sihat. Berteraskan kepada dasar ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi memelihara, memulih serta mempertahankan alam sekitar dan ekosistem di Negeri Pulau Pinang.
- 2.2 Penggunaan dan pelupusan *Single-Use Plastic* tanpa kawalan memberikan ancaman besar kepada alam sekitar dan kesihatan jika tiada perancangan yang teliti mengenai pengurusan penggunaan bahan plastik tersebut. *Single-Use Plastic* yang telah digunakan secara amnya berakhir di tapak pelupusan sampah atau hanyut ke lautan dan menjejaskan ekosistem marin. *Single-Use Plastic* yang dilupuskan menjadi partikel kecil dan mereput apabila terdedah kepada sinaran ultraungu (UV), oksigen, suhu yang tinggi dan aktiviti mikroorganisma dalam tempoh masa yang tertentu. Partikel plastik yang berada di lautan akan memberi masalah kepada hidupan laut daripada plankton, ikan hinggalah haiwan yang besar seperti penyu, ikan lumba-lumba dan ikan paus.
- 2.3 Justeru itu, satu pendekatan holistik perlu dilaksanakan bagi mengawal dan meminimumkan penggunaan *Single-Use Plastic* di Negeri Pulau Pinang. Pendekatan ini juga perlu menyentuh nilai serta aspek naluri kemanusiaan dalam bentuk kesedaran supaya bekerjasama menolak penggunaan *Single-Use Plastic* ke arah memelihara alam sekitar untuk generasi masa hadapan.

3.0 OBJEKTIF


- 3.1 Objektif utama pelaksanaan kempen *No To Single-Use Plastic* dalam bentuk kerjasama tiga hala (*tripartite*) antara Kerajaan Negeri, pengusaha dan pengguna bertujuan:-
- (i) Meminimumkan kuantiti penggunaan *Single-Use Plastic* yang memudaratkan alam sekitar dalam jangka masa pendek melalui program dan kempen kesedaran; dan
 - (ii) Membasmi secara menyeluruh penggunaan *Single-Use Plastic* dalam jangka masa panjang melalui penguatkuasaan.

4.0 DEFINISI

4.1 *Single-Use Plastic* merujuk kepada item yang digunapakai sekali sahaja dan dilupuskan serta merta setelah selesai digunakan di mana komponen asasnya diperbuat daripada plastik (polimer sintetik/semi sintetik) termasuk plastik bio-degradasi (*bio-degradable plastic*).

4.2 *Single-Use Plastic* yang dikategorikan bagi kempen ini adalah seperti berikut:-

4.2.1 Penyedut Minuman Plastik (*Plastic Straw*);



4.2.2 Peralatan Makanan Plastik (*Plastic Cutlery*);



4.2.3 Botol Minuman Plastik (*Plastic Water Bottle*);



4.2.4 Bekas Minuman dan Makanan Plastik (*Plastic Drink and Food Container*);



4.2.5 Plastik Bag Minuman (*Plastic Bag For Drinks*)



5.0 KAEDAH PELAKSANAAN

- 5.1 Secara asasnya, kaedah pelaksanaan Kempen *No To Single-Use Plastic* akan dilaksanakan secara berperingkat melalui pendekatan pengurangan secara berfasa (*phasing out*) item-item *single-use plastic* yang disasarkan di semua premis makanan dan minuman seluruh Negeri Pulau Pinang. Semua premis

yang menyediakan minuman dan makanan diwajibkan berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan bagi pelaksanaan kempen.

- 5.2 Tarikh pelaksanaan kempen mengikut kategori *Single-Use Plastic* adalah seperti berikut:-

BIL	KEMPEN MENGIKUT KATEGORI <i>SINGLE-USE PLASTIC</i>	TARIKH MULA PELAKSANAAN
1	Tak Nak Penyedut Minuman Plastik (<i>No To Plastic Straw</i>)	Mac 2019
2	Tak Nak Peralatan Makanan Plastik (<i>No To Plastic Cutlery</i>)	TBA
3	Tak Nak Bekas Minuman dan Makanan Plastik (<i>No To Plastic Drink and Food Container</i>)	TBA
4	Tak Nak Plastik Bag Minuman (<i>No To Plastic Bag for Drinks</i>)	TBA

- 5.3 Kaedah Pelaksanaan *Kempen No-To Single-Use Plastic* mengikut kategori adalah seperti berikut:-

5.3.1 Tak Nak Penyedut Minuman Plastik (*No To Plastic Straw*)

Kempen *No To Plastic Straw* akan menggunakan prinsip dan konsep berikut:-

- (i) Premis minuman dan makanan tidak lagi dibenarkan menyediakan *plastic straw* di ruangan/sudut/kaunter yang boleh diperolehi secara langsung atau layan diri oleh pengguna;
- (ii) *Plastic straw* hanya akan diberikan kepada pengguna atas permintaan sahaja dan tidak lagi diberi secara *by default* untuk setiap kali pembelian makanan dan minuman; dan
- (iii) Premis minuman dan makanan dibenarkan serta digalakkan untuk menggunakan barang pengganti (*substitute item*) bagi menggantikan *straw plastic* dan barang pengganti tersebut (sbg contoh : straw yang diperbuat dari bahan organik) tidak memberikan impak negatif kepada alam sekitar.

5.3.2 Tak Nak Peralatan Makanan Plastik (*No To Plastic Cutlery*)

-TBA-

5.3.3 Tak Nak Bekas Minuman dan Makanan Plastik (*No To Plastic Drink and Food Container*)

-TBA-

5.3.4 Tak Nak Plastik Bag Minuman (*No To Plastic Bag for Drinks*)

-TBA-

6.0 PUNCA KUASA

6.1 Pelaksanaan Kempen *No To Single-Use Plastic* Negeri Pulau Pinang adalah melalui syarat tambahan permohonan baharu atau pembaharuan lesen perniagaan di bawah peruntukan Seksyen 107 (2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu:-

“Tiap-tiap lesen atau permit yang diberi tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan dan boleh dibatalkan oleh pihak berkuasa tempatan pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.”

6.2 Berdasarkan sub-seksyen ini, PBT mempunyai kuasa untuk mewajibkan premis perniagaan supaya berdaftar dan turut serta dalam Kempen *No To Single-Use Plastic* Negeri Pulau Pinang.

6.3 Penguatkuasaan kempen mengikut kategori *Single-Use Plastic* dibahagikan kepada tiga (3) fasa berdasarkan **Tarikh Mula Pelaksanaan** kempen seperti berikut:-

FASA		TEMPOH KEMPEN	PENDEKATAN
Pertama	:	6 bulan pertama	- kempen kesedaran (<i>educational awareness</i>)
Kedua	:	6 bulan kedua	- penguatkuasaan secara berhemah (<i>educational enforcement</i>)
Ketiga	:	Selepas 12 bulan	- penguatkuasaan penuh (<i>full enforcement</i>)

7.0 PENDAFTARAN

- 7.1 Premis perniagaan minuman dan makanan yang wajib berdaftar dengan Pelaksanaan Kempen *No To Single-Use Plastic* adalah terdiri daripada semua premis perniagaan sedia ada dan premis perniagaan baharu yang akan mula beroperasi dalam kategori berikut:-
- (i) Restoran/ Kedai Makanan & Minuman/ Kedai Kopi/ Kafe/ Pub;
 - (ii) Kedai Serbaneka;
 - (iii) Kedai Serbaneka Stesen Minyak;
 - (iv) Medan Selera/ Pusat Penjaja/ Kompleks Makanan;
 - (v) Kenderaan Saji Makanan dan Minuman
 - (vi) Pasar Malam/Pasar Pagi/*Uptown Market*;
 - (vii) Kantin;
 - (viii) Penjaja; dan
 - (ix) Lain-lain kategori premis perniagaan berkaitan yang akan dimasukkan ke dalam senarai ini pada masa akan datang (*Others*).
- 7.2 Setiap premis perniagaan yang disenaraikan dibawah para 7.1 perlu berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) berikut:-
- Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP); atau
 - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)
- 7.3 Premis minuman dan makanan yang memohon lesen premis perniagaan di dalam kawasan pentadbiran MBPP perlu berdaftar dengan MBPP dan premis perniagaan yang memohon lesen premis perniagaan di kawasan pentadbiran MPSP perlu berdaftar dengan MPSP.
- 7.4 Setiap premis makanan dan minuman sedia ada di bawah kategori para 7.1 diberi tempoh selama satu (1) bulan untuk membuat pendaftaran dalam Kempen *No To Single-Use Plastic* Negeri Pulau Pinang bermula dari 1 Mac 2019.
- 7.5 Setiap premis perniagaan baharu di bawah kategori para 7.1 yang baru memulakan perniagaan dan seterusnya perlu serta merta berdaftar dengan Kempen *No To Single-Use Plastic* serentak dengan permohonan lesen premis perniagaan melalui PBT yang berkaitan.

- 7.6 Satu pendaftaran adalah untuk satu premis perniagaan. Perniagaan yang mempunyai cawangan perlu mendaftarkan setiap cawangan secara individu berdasarkan lesen premis perniagaan yang dikeluarkan oleh PBT.
- 7.7 Pengecualian dan kebenaran diberikan kepada Medan Selera dan Pasar Malam bagi pendaftaran secara pukal. Tanggungjawab untuk pendaftaran adalah terletak di bawah pihak pengurusan Medan Selera dan Pasar Malam tersebut. Pihak pengurusan Medan Selera dan Pasar Malam perlu mengambil tanggungjawab penuh bagi memastikan gerai-gerai di bawah seliaan masing-masing mematuhi pelaksanaan kempen.
- 7.8 Lokasi bagi pendaftaran adalah seperti berikut:-
- (a) MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG**
- Bahagian Pelesenan MBPP
Dewan Bandaraya,
Jalan Padang Kota Lama,
10200 George Town,
Pulau Pinang
- (b) MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**
- Kaunter Berpusat
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Jalan PERDA Utama
Bandar PERDA
14000 Bukit Mertajam
- 7.9 Masa pendaftaran adalah setiap **ISNIN hingga JUMAAT** dari jam **9:00 pagi hingga 4:00 petang**.
- 7.10 Setiap pendaftaran atau pembaharuan perlu menggunakan Borang NSP-A (**LAMPIRAN A**) mengikut PBT masing-masing dan disertakan bersama sesalinan fotostat:-
- (i) Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM) / Sijil Pendaftaran Perniagaan; dan
- (ii) Lesen Premis Perniagaan.

- 7.11 Setiap premis perniagaan akan diberikan **NOMBOR PENDAFTARAN KEMPEN KHUSUS** yang perlu digunakan sebagai rujukan bagi setiap urusan yang melibatkan Kempen *No To Single-Use Plastic*.
- 7.12 Nombor pendaftaran kempen yang diberikan adalah unik bagi setiap permohonan mengikut daerah dan jenis premis (**LAMPIRAN B**). Nombor pendaftaran kempen yang diberikan akan **KEKAL** dengan premis selagi ianya masih beroperasi di lokasi yang sama. Pendaftaran baharu perlu dibuat sekiranya perniagaan berpindah.
- 7.13 Setiap premis perniagaan yang berdaftar dengan PBT akan diberikan **SIJIL PENYERTAAN KEMPEN NO TO SINGLE-USE PLASTIC NEGERI PULAU PINANG (LAMPIRAN C)** yang perlu dipamerkan di premis masing-masing sebagai pemberitahuan kepada pengguna mengenai pelaksanaan kempen.
- 7.14 Sijil Penyertaan Premis Kempen *No To Single-Use Plastic* Negeri Pulau Pinang adalah eksklusif kepada perniagaan atau premis yang memohon dan tidak boleh dipinjam/pindahmilik kepada mana-mana perniagaan atau premis lain.
- 7.15 Pendaftaran kempen hanya sah untuk tempoh satu (1) tahun dan perlu diperbaharui setiap tahun apabila tamat tempoh yang ditetapkan.
- 7.16 Tempoh sah laku Sijil Penyertaan Premis Kempen *No To Single-Use Plastic* Negeri Pulau Pinang akan diselaraskan ke tarikh tamat Lesen Premis Perniagaan.
- 7.17 Pendaftaran Kempen *No To Single-Use Plastic* Negeri Pulau Pinang perlu diperbaharui setiap tahun sebagai satu syarat bagi proses pembaharuan lesen perniagaan.

8.0 PEMANTAUAN

- 8.1 Pemantauan keberkesanan pelaksanaan Kempen *No To Single-Use Plastic* Negeri Pulau Pinang akan dilaksanakan setiap tahun bagi setiap tempoh 12 bulan dari bermula tarikh pelaksanaan program. Kaedah pemantauan adalah melalui edaran borang soal selidik kepada premis terlibat yang akan diselaraskan oleh Penang Green Council (PGC) melalui Pihak Berkuasa Tempatan.


- 8.2 Pemantauan adalah untuk mendapatkan maklumat bagi indikator-indikator berikut:-
- (i) Penerimaan masyarakat terhadap kempen; dan
 - (ii) Kuantiti *single use-plastic* yang telah berjaya dikurangkan mengikut kategori.

9.0 PENUTUP

Garis Panduan Kempen *No To Single-Use Plastic* Negeri Pulau Pinang 2019 diwujudkan dan dikuatkuasakan berdasarkan kepada maklumat sedia ada semasa ianya dirangka. Sehubungan itu, Garis Panduan ini adalah merupakan *living document* di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak meminda dan menambahbaik garis panduan ini sekiranya perlu berpandukan perkembangan terkini dan keperluan dari semasa ke semasa.



LAMPIRAN A

-CONTOH-	BORANG NSP-A
	
BORANG PENDAFTARAN KEMPEN TAK NAK PLASTIK SEKALI GUNA (NO TO SINGLE-USE PLASTIC) NEGERI PULAU PINANG	
1. NAMA PERNIAGAAN :	<input style="width: 100%; height: 20px; border: 1px solid black; border-radius: 5px;" type="text"/>
2. NO. PENDAFTARAN : PERNIAGAAN	<input style="width: 100%; height: 20px; border: 1px solid black; border-radius: 5px;" type="text"/>
3. ALAMAT PREMIS :	<input style="width: 100%; height: 20px; border: 1px solid black; border-radius: 5px;" type="text"/>
4. PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI :	<input style="width: 100%; height: 20px; border: 1px solid black; border-radius: 5px;" type="text"/>
5. NO. TELEFON :	<input style="width: 100%; height: 20px; border: 1px solid black; border-radius: 5px;" type="text"/>
6. NO. FAX :	<input style="width: 100%; height: 20px; border: 1px solid black; border-radius: 5px;" type="text"/>
7. EMEL :	<input style="width: 100%; height: 20px; border: 1px solid black; border-radius: 5px;" type="text"/>
8. JENIS PENDAFTARAN :	<input type="checkbox"/> PENDAFTARAN PERTAMA <input type="checkbox"/> PEMBAHARUAN [SILA TANDAKAN (v)]
9. NO. PENDAFTARAN : KEMPEN	<input style="width: 100%; height: 20px; border: 1px solid black; border-radius: 5px;" type="text"/> (BAGI PEMBAHARUAN PENDAFTARAN SAHAJA)
10. KOD JENIS PREMIS :	<input type="checkbox"/> (BAGI PENDAFTARAN PERTAMA SAHAJA) * sila lihat di belakang
11. AKUAN:	
SAYA MEWAKILI PREMIS TERSEBUT DI ATAS BERSETUJU UNTUK BEKERJASAMA DENGAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BAGI MELAKSANAKAN KEMPEN TAK NAK PLASTIK SEKALI GUNA (NO TO SINGLE USE PLASTIC) SEBAGAI SATU LANGKAH KE ARAH MENANGANI ISU PENCEMARAN SINGLE-USE PLASTIC DAN MENJADIKAN PULAU PINANG NEGERI MAJU, BERSIH, HIJAU DAN LESTARI.	
..... TANDATANGAN & COP RASMI PREMIS	
Untuk Kegunaan Pejabat:	
NO PENDAFTARAN :	<input style="width: 100%; height: 20px; border: 1px solid black; border-radius: 5px;" type="text"/>
NO SIRI SIJIL :	<input style="width: 100%; height: 20px; border: 1px solid black; border-radius: 5px;" type="text"/>
TARIKH TAMAT PENDAFTARAN :	<input style="width: 100%; height: 20px; border: 1px solid black; border-radius: 5px;" type="text"/>
..... TANDATANGAN & COP RASMI	

LAMPIRAN A

BORANG NSP-A


KOD JENIS PREMIS	
A	Restoran/ Kedai Makanan & Minuman/ Kedai Kopi/ Kafe/ Pub
B	Kedai Serbaneka
C	Kedai Serbaneka Stesen Minyak
D	Medan Selera/ Pusat Penjaja/ Kompleks Makanan
E	Kenderaan Saji Makanan dan Minuman
F	<i>Pasar Malam/Pasar Pagi/Uptown Market;</i>
G	<i>Kantin</i>
H	<i>Penjaja</i>
I	Lain-lain kategori premis perniagaan berkaitan

Sila tandakan () bagi kempen yang akan disertai:-

BIL	KEMPEN MENGIKUT KATEGORI <i>SINGLE-USE PLASTIC</i>	
1	Tak Nak Penyedut Minuman Plastik <i>(No To Plastic Straw)</i>	
2	Tak Nak Peralatan Makanan Plastik <i>(No To Plastic Cutlery)</i>	
3	Tak Nak Bekas Minuman dan Makanan Plastik <i>(No To Plastic Drink and Food Container)</i>	
4	Tak Nak Plastik Bag Minuman <i>(No To Plastic Bag for Drinks)</i>	

KAEDAH PEMBERIAN NO PENDAFTARAN PREMIS

CONTOH:



NOTA :

- (i) MEDAN SELERA DAN PASAR MALAM DIBENARKAN MEMBUAT PENDAFTARAN SECARA PUKAL DI BAWAH PIHAK PENGURUSAN MASING-MASING DAN DIBERIKAN SATU (1) NOMBOR PENDAFTARAN SAHAJA.

-CONTOH-

NO. SIRI :



RESTORAN ABC AUTO-CITY

**MERUPAKAN
RAKAN HIJAU KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
DENGAN MENGAMALKAN POLISI
TAK NAK PLASTIK SEKALI GUNA
(NO TO SINGLE-USE PLASTIC)**

KERJASAMA DAN SOKONGAN TUAN/PUAN KE ARAH MENJAYAKAN KEMPEN INI DENGAN TIDAK MENGGUNAKAN PLASTIK SEKALI GUNA ADALAH AMAT DIHARGAI DEMI MENJADIKAN PULAU PINANG MAJU, BERSIH, HIJAU DAN LESTARI.



PENANG
2030

NO. PENDAFTARAN :
TEMPOH

LAMPIRAN IV



**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN KEMPEN
“TAK NAK PENYEDUT MINUMAN PLASTIK”
(*NO TO PLASTIC STRAW*)
NEGERI PULAU PINANG
2019**

1.0 TUJUAN

Garis Panduan Pelaksanaan Kempen Tak Nak Penyedut Minuman Plastik (*No To Plastic Straw*) Negeri Pulau Pinang 2019 disediakan bertujuan sebagai asas panduan serta rujukan bagi penyertaan premis perniagaan makanan dan minuman yang dikategorikan terlibat dengan pelaksanaan kempen tersebut. Penyediaan Garis Panduan ini juga bertujuan menyediakan panduan kepada semua pihak berkepentingan (*stakeholders*) bagi memastikan pelaksanaan kempen dapat dilaksanakan secara bersepadu dan holistik. Kempen ini juga merupakan asas kepada sasaran untuk larangan secara menyeluruh penggunaan penyedut minuman plastik (*plastic straw*) menjelang tahun 2020.

2.0 LATAR BELAKANG

Kerajaan Negeri Pulau Pinang selaras dengan dasar *Cleaner, Greener, Safer, Healthier & Happier Penang* berhasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang bersih, mempunyai alam sekitar yang hijau dan mampan, selamat untuk didiami dan mempunyai masyarakat serta persekitaran yang sihat. Berteraskan kepada dasar ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi memelihara, memulih serta mempertahankan alam sekitar dan ekosistem di Negeri Pulau Pinang.

Penggunaan dan pelupusan *plastic straw* tanpa kawalan memberikan ancaman besar kepada alam sekitar dan kesihatan jika tiada perancangan yang teliti mengenai pengurusan penggunaan bahan plastik tersebut. *Plastic straw* yang telah digunakan secara amnya berakhir di tapak pelupusan sampah atau hanyut ke lautan. *Plastic straw* yang dilupuskan menjadi partikel kecil dan mereput apabila terdedah kepada sinaran ultraungu (UV), oksigen, suhu yang tinggi dan aktiviti mikroorganisma dalam tempoh masa yang tertentu. Partikel plastik yang berada di lautan akan memberi masalah kepada hidupan laut daripada plankton, ikan hinggalah haiwan yang besar seperti penyus, ikan lumba-lumba dan ikan paus.

Justeru itu, satu pendekatan holistik perlu dilaksanakan bagi mengawal dan meminimumkan penggunaan *plastic straw* di Negeri Pulau Pinang. Pendekatan ini juga perlu menyentuh nilai serta aspek naluri kemanusiaan dalam bentuk kesedaran supaya bekerjasama menolak penggunaan *plastic straw* ke arah memelihara alam sekitar untuk generasi masa hadapan.

3.0 OBJEKTIF

Objektif utama pelaksanaan kempen *No To Plastic Straw* adalah bertujuan:-

- (i) Meminimumkan kuantiti penggunaan *plastic straw* yang memudaratkan alam sekitar dalam bentuk kerjasama tiga hala (*tripartite*) antara Kerajaan Negeri, pengusaha dan pengguna; dan
- (ii) Meningkatkan kesedaran dalam memelihara alam sekitar ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri Hijau.

4.0 DEFINISI

Plastic straw merujuk kepada sebarang bentuk penyedut minuman atau makanan yang dibekalkan kepada pengguna, di mana komponen asasnya diperbuat daripada plastik (polimer sintetik/semi sintetik) termasuk *plastic straw bio-degradasi (bio-degradable plastic straw)*.

Premis minuman dan makanan merujuk kepada semua perniagaan minuman dan makanan di Negeri Pulau Pinang yang berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan.

5.0 KAEDAH PELAKSANAAN

Secara asasnya, kaedah pelaksanaan Kempen *No To Plastic Straw* akan menggunakan prinsip dan konsep berikut:-

- (i) Semua premis yang menyediakan minuman dan makanan diwajibkan berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan bagi pelaksanaan kempen;
- (ii) Premis minuman dan makanan tidak lagi dibenarkan menyediakan *plastic straw* di ruangan/sudut/kaunter yang boleh diperolehi secara langsung atau layan diri oleh pengguna;
- (iii) *Plastic straw* hanya akan diberikan kepada pengguna atas permintaan sahaja dan tidak lagi diberi secara *by default* untuk setiap kali pembelian makanan dan minuman; dan

- (iv) Premis minuman dan makanan dibenarkan serta digalakkan untuk menggunakan barang pengganti (*substitute item*) bagi menggantikan *straw plastic* dan barang pengganti tersebut (sbg contoh : straw yang diperbuat dari bahan organik) tidak memberikan impak negatif kepada alam sekitar.

6.0 PUNCA KUASA

Pelaksanaan Kempen *No To Plastic Straw* Negeri Pulau Pinang adalah melalui syarat tambahan permohonan baharu atau pembaharuan lesen perniagaan di bawah peruntukan Seksyen 107 (2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu:-

“Tiap-tiap lesen atau permit yang diberi tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan dan boleh dibatalkan oleh pihak berkuasa tempatan pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.”

Berdasarkan sub-seksyen ini, PBT mempunyai kuasa untuk mewajibkan premis perniagaan supaya berdaftar dan turut serta dalam Kempen *No To Plastic Straw* Negeri Pulau Pinang.

7.0 GARIS PANDUAN PENGUATKUASAAN

7.1 PENDAFTARAN

- (i) Premis perniagaan minuman dan makanan yang wajib berdaftar dengan Pelaksanaan Kempen *No To Plastic Straw* adalah terdiri daripada semua premis perniagaan sedia ada dan premis perniagaan baharu yang akan mula beroperasi dalam kategori berikut:-
- (a) Restoran;
 - (b) Hotel;
 - (c) Kedai Serbaneka (*Convenient Store*);
 - (d) Kedai Serbaneka Stesen Minyak (*Petrol Station Convenient Store*);
 - (e) Medan Selera (*Food Court*) dan Kantin (*Canteen*);
 - (f) Kenderaan Saji (*Food Truck*)
 - (g) Pasar malam;
 - (h) Lain-lain kategori premis perniagaan berkaitan yang akan jada masa akan datang (*Others*).



- (ii) Setiap premis perniagaan yang disenaraikan dibawah para 7.1 (i) perlu berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) berikut:-
 - Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP); atau
 - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)
- (iii) Premis minuman dan makanan yang memohon lesen premis perniagaan di dalam kawasan pentadbiran MBPP perlu berdaftar dengan MBPP dan premis perniagaan yang memohon lesen premis perniagaan di kawasan pentadbiran MPSP perlu berdaftar dengan MPSP.
- (iv) Setiap premis makanan dan minuman sedia ada di bawah kategori para 6.1 (i) diberi tempoh selama satu (1) bulan untuk membuat pendaftaran dalam Kempen *No To Plastic Straw* Negeri Pulau Pinang bermula dari
- (v) Setiap premis perniagaan baharu di bawah kategori para 7.1 (i) yang baru memulakan perniagaan dan seterusnya perlu serta merta berdaftar dengan Kempen *No To Plastic Straw* serentak dengan permohonan lesen premis perniagaan melalui PBT yang berkaitan.
- (vi) **Satu pendaftaran adalah untuk satu premis perniagaan. Perniagaan yang mempunyai cawangan perlu mendaftarkan setiap cawangan secara individu berdasarkan lesen premis perniagaan yang dikeluarkan oleh PBT.**
- (vii) Pengecualian dan kebenaran diberikan kepada Medan Selera dan Pasar Malam bagi pendaftaran secara pukal. Tanggungjawab untuk pendaftaran adalah terletak di bawah pihak pengurusan Medan Selera dan Pasar Malam tersebut. Pihak pengurusan Medan Selera dan Pasar Malam perlu mengambil tanggungjawab penuh bagi memastikan gerai-gerai di bawah seliaan masing-masing mematuhi pelaksanaan kempen.
- (viii) Lokasi bagi pendaftaran adalah seperti berikut:-





(a) MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

Bahagian Pelesenan MBPP
Dewan Bandaraya,
Jalan Padang Kota Lama,
10200 George Town,
Pulau Pinang

(b) MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Kaunter Berpusat
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Jalan PERDA Utama
Bandar PERDA
14000 Bukit Mertajam

- (ix) Masa pendaftaran adalah setiap **ISNIN hingga JUMAAT** dari jam **9.00 pagi hingga 5.00 petang**.
- (x) Setiap pendaftaran atau pembaharuan perlu menggunakan Borang NS-A (**LAMPIRAN A**) mengikut PBT masing-masing dan disertakan bersama sesalinan fotostat:-
- (a) Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM) / Sijil Pendaftaran Perniagaan; dan
 - (b) Lesen Premis Perniagaan.
- (xi) Setiap premis perniagaan akan diberikan **NOMBOR PENDAFTARAN KEMPEN KHUSUS** yang perlu digunakan sebagai rujukan bagi setiap urusan yang melibatkan Kempen *No To Plastic Straw*.
- (xii) Nombor pendaftaran kempen yang diberikan adalah unik bagi setiap permohonan mengikut daerah dan jenis premis (**LAMPIRAN B**). Nombor pendaftaran kempen yang diberikan akan **KEKAL** dengan premis selagi ianya masih beroperasi di lokasi yang sama. Pendaftaran baharu perlu dibuat sekiranya perniagaan berpindah.



- (xiii) Setiap premis perniagaan yang berdaftar dengan PBT akan diberikan **SIJIL PENYERTAAN KEMPEN NO TO PLASTIC STRAW NEGERI PULAU PINANG (LAMPIRAN C)** yang perlu dipamerkan di premis masing-masing sebagai pemberitahuan kepada pengguna mengenai pelaksanaan kempen.
- (xiv) Sijil Penyertaan Premis Kempen *No To Plastic Straw* Negeri Pulau Pinang adalah eksklusif kepada perniagaan atau premis yang memohon dan tidak boleh dipinjam/pindahmilik kepada mana-mana perniagaan atau premis lain.
- (xv) Pendaftaran kempen hanya sah untuk tempoh satu (1) tahun dan perlu diperbaharui setiap tahun apabila tamat tempoh yang ditetapkan.
- (xvi) Tempoh sah laku Sijil Penyertaan Premis Kempen *No To Plastic Straw* Negeri Pulau Pinang akan diselaraskan ke tarikh tamat Lesen Premis Perniagaan.
- (xvii) Pendaftaran Kempen *No To Plastic Straw* Negeri Pulau Pinang perlu diperbaharui setiap tahun sebagai satu syarat bagi proses pembaharuan lesen perniagaan.

7.2 PEMANTAUAN

- (i) Pemantauan keberkesanan pelaksanaan Kempen *No To Plastic Straw* Negeri Pulau Pinang akan dilaksanakan setiap tahun bagi setiap setengah tahun bermula dari tarikh pelaksanaan program pada Januari 2019. Kaedah pemantauan adalah melalui edaran borang soal selidik kepada premis terlibat yang akan diselaraskan oleh Penang Green Council (PGC) melalui Pihak Berkuasa Tempatan.
- (ii) Pemantauan adalah untuk mendapatkan maklumat bagi indikator-indikator berikut:-
 - (a) Penerimaan masyarakat terhadap kempen; dan
 - (b) Kuantiti *plastic straw* yang telah berjaya dikurangkan.

(iii) Jadual proses pemantauan keberkesanan kempen:-

BULAN		PROSES
Setengah Tahun Pertama	Jun 2019	Edaran borang soal selidik
	Julai 2019	Pengumpulan borang soal selidik dan analisa data
	Ogos 2019	Laporan hasil soal selidik
Setengah Tahun Kedua	Disember 2019	Edaran borang soal selidik
	Jan 2020	Pengumpulan borang soal selidik dan analisa data
	Februari 2020	Laporan hasil soal selidik

Nota : Proses ini akan berulang bagi setiap tahun pelaksanaan kempen.

8.0 PENUTUP

Garis Panduan Kempen *No To Plastic Straw* Negeri Pulau Pinang 2019 diwujudkan dan dikuatkuasakan berdasarkan kepada maklumat sedia ada semasa ianya dirangka. Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak meminda dan menambahbaik garis panduan ini sekiranya perlu berpandukan perkembangan terkini dan keperluan dari semasa ke semasa.




LAMPIRAN A

KOD JENIS PREMIS	
R	<i>Restoran</i>
H	<i>Hotel</i>
C	<i>Kedai Serbaneka</i>
P	<i>Kedai Serbaneka Stesen Minyak</i>
M	<i>Medan Selera dan Kantin</i>
T	<i>Kenderaan Saji</i>
N	<i>Pasar Malam</i>
O	<i>Lain-lain</i>



KAEDAH PEMBERIAN NO PENDAFTARAN PREMIS

CONTOH:



NOTA :

- (i) MEDAN SELERA DAN PASAR MALAM DIBENARKAN MEMBUAT PENDAFTARAN SECARA PUKAL DI BAWAH PIHAK PENGURUSAN MASING-MASING DAN DIBERIKAN SATU (1) NOMBOR PENDAFTARAN SAHAJA.

-CONTOH-

NO. SIRI :



RESTORAN ABC AUTO-CITY

**MERUPAKAN
RAKAN HIJAU KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
DENGAN MENGAMALKAN POLISI
TAK NAK MENGGUNAKAN PENYEDUT MINUMAN PLASTIK
(NO TO PLASTIC STRAW)**

KERJASAMA DAN SOKONGAN TUAN/PUAN KE ARAH MENJAYAKAN KEMPEN INI DENGAN TIDAK MENGGUNAKAN PENYEDUT MINUMAN PLASTIK ADALAH AMAT DIHARGAI DEMI MENJADIKAN PULAU PINANG MAJU, BERSIH, HIJAU DAN LESTARI.



NO. PENDAFTARAN :
TEMPOH :

ID551/21

12



**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXI)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

23. Tahap keselamatan awam di Pulau Pinang.
- (a) Apakah trend kadar jenayah di Pulau Pinang sejak tahun 2020 sehingga kini?
 - (b) Apakah jenis jenayah utama yang menjadi kebimbangan masyarakat?
 - (c) Bagaimanakah kadar jenayah atau indeks keselamatan Pulau Pinang dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

23. (a) Berikut adalah *trend* kadar jenayah bagi negeri Pulau Pinang sejak tahun 2020 sehingga Mac 2025 seperti di **JADUAL 1**:

JADUAL 1

KATEGORI JENAYAH	TAHUN 2020	TAHUN 2021	TAHUN 2022	TAHUN 2023	TAHUN 2024	TAHUN 2025 (HINGGA MAC)
Jenayah Kekerasan						
Bunuh	15	13	10	12	9	3
Rogol	88	89	124	98	104	17
Samun Berkawan Senjata Api	1	0	1	1	0	0

KATEGORI JENAYAH	TAHUN 2020	TAHUN 2021	TAHUN 2022	TAHUN 2023	TAHUN 2024	TAHUN 2025 (HINGGA MAC)
Samun Berkawan Tanpa Senjata Api	258	260	212	193	173	29
Samun Senjata Api	0	0	0	0	0	0
Samun Tanpa Senjata Api	166	191	193	183	132	36
Mencederakan	314	379	406	334	445	63
Jumlah Jenayah Kekerasan	842	932	946	821	863	148
Jenayah Harta Benda						
Curi	859	1,235	1,018	1,180	490	191
Curi Motokar	156	97	143	153	24	32
Curi Motosikal	1,231	761	696	674	229	122
Curi Van/Lori/Jentera Berat	29	22	33	31	6	7
Pecah Rumah	736	785	626	746	112	123
Jumlah Jenayah Harta benda	3,011	2,900	2,516	2,784	861	475
Jumlah Keseluruhan Jenayah	3,853	3,832	3,462	3,605	1,724	623

- (b) Jenis jenayah utama yang menjadi kebimbangan masyarakat adalah seperti berikut:
- (i) Jenayah Lain-Lain Curi;
 - (ii) Jenayah Curi Motosikal; dan
 - (iii) Jenayah Pecah Rumah.

- (c) Kadar jenayah atau indeks keselamatan Pulau Pinang dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia bagi tempoh Jan – Mac 2025 adalah seperti di **JADUAL 2**:

JADUAL 2

BIL	NEGERI	JUMLAH KES
1	Selangor	3,204
2	Perak	1,801
3	Kuala Lumpur	1,458
4	Johor	1,373
5	Sarawak	1,226
6	Kedah	1,144
7	Sabah	929
8	Pulau Pinang	623
9	Negeri Sembilan	525
10	Pahang	475
11	Kelantan	464
12	Melaka	358
13	Terengganu	292
14	Perlis	117
Jumlah Keseluruhan		13,989

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXI)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

24. Astaka Jalan Akuarium dan perancangan projek LRT.
- (a) Nyatakan latar belakang Astaka Jalan Akuarium serta jumlah peniaga yang sedang beroperasi pada masa ini.
 - (b) Apakah langkah yang dirancang oleh pihak berkuasa sekiranya lokasi astaka terlibat dalam jajaran projek LRT Mutiara?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. (a) Astaka Gelugor terletak di persimpangan Jalan Sultan Azlan Shah dan Jalan Akuarium, Gelugor, Pulau Pinang. Astaka ini telah diserahkan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) oleh Pejabat Pembangunan Pulau Pinang (ICU) pada tahun 2018 dengan sejumlah dua puluh dua (22) tapak niaga disediakan. Buat masa ini, hanya 17 tapak yang aktif menjalankan perniagaan di tapak tersebut.
- (b) Satu mesyuarat akan diadakan pada 20 Mei 2025 bersama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), pihak Projek LRT Mutiara dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri bagi membincangkan dengan lebih lanjut berkenaan lokasi Astaka Jalan Akuarium yang terlibat dalam jajaran Projek LRT Mutiara. Dalam hal ini, MBPP akan mengambil tindakan dengan menawarkan lokasi kompleks lain yang masih kosong sekiranya tiada tapak ganti disediakan bagi menempatkan semula Astaka tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXI)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

25. Stesen pengecasan EV di Pulau Pinang.
- (a) Berapakah jumlah stesen pengecasan EV yang telah dipasang setakat ini dan di manakah ia terletak?
 - (b) Apakah kadar penggunaan stesen pengecasan EV yang dipasang oleh MBPP?
 - (c) Apakah sasaran dan hala tuju Kerajaan Negeri dalam penggunaan kenderaan elektrik di kalangan pengguna kereta?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. (a) Jumlah stesen pengecasan *Electric Vehicle Charging Bay* (EVCB) yang telah dipasang setakat ini di Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak **479 unit**. Lokasi bagi stesen pengecasan EVCB di Negeri Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Pada masa ini, kadar purata penggunaan stesen pengecasan EVCB yang dipasang oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah dalam lingkungan **15% sehingga 30%** bergantung kepada variasi penggunaan secara harian.
- (c) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menetapkan sasaran sebanyak 600 bilangan EVCB menjelang tahun 2025 untuk menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik dalam kalangan pengguna kereta di negeri ini.

SENARAI LOKASI BAGI PEMASANGAN STESEN PENGEKASAN *ELECTRIC VEHICLE CHARGING BAY* (EVCB) DI NEGERI PULAU PINANG

BIL.	LOKASI	JUMLAH EVCB
1.	Powered by RISE @ The Oasis Condo	2
2.	Platino Kondominium	5
3.	Bayswater Resort Kondominium	3
4.	Udini Square Gelugor Penang by DC Handal	2
5.	The Light Linear @ The Light Waterfront	4
6.	Middleton @ Minden Heights Penang	2
7.	Raffel Tower @ Minden Heights Penang	2
8.	Delima Palace Kondominium	2
9.	Starbucks Island Glades DT	2
10.	Grace Residence	2
11.	Boulevard Kondominium	2
12.	Farlim Taman Ru	1
13.	Tesla AC at All Season Place	4
14.	The Spring Kondoinium	3
15.	The Maritime Automall	4
16.	Persiaran Karpal Singh	2
17.	BMW Sungai Pinang	1
18.	Smart Penang	2
19.	Cycle & Carriage Sungai Pinang	2
20.	Volvo Federal Auto Penang	2
21.	Sandilands Kondominium	5
22.	CYC Heritage Hotel	3
23.	Kim Ban Hin Trading	1
24.	The Prestige Hotel	2
25.	1st Avenue Mall	2
26.	The Birch Plaza	2
27.	Gat Lebuh China	2
28.	Lebuh Pasar (Little India)	2
29.	Wembley Hotel	4
30.	The Granite Luxury Hotel	3
31.	The Edison George Town	2
32.	ParkEasy @ E&O Penang	2
33.	Lexus Penang	2
34.	Livingston Tower	2
35.	Choo Plaza Georgetown Penang	2
36.	New World Park	2

BIL.	LOKASI	JUMLAH EVCB
37.	221 Hutton Lane Parking	1
38.	Auto Bavaria Penang	5
39.	Courtyard Marriott	2
40.	Tropicana 218 Macalister	1
41.	LiTS Office Penang	1
42.	Menara Boustead	1
43.	One Pacific Hotel	2
44.	Island Hospital Penang	2
45.	Ascott Gurney Penang	2
46.	Winn's Cafe	2
47.	Powerbee @ Gurney Beach Resort Condominium	3
48.	Penang Marriott Hotel	4
49.	G Hotel Gurney	9
50.	AmBank Jalan Kelawai	1
51.	EVGuru @ Penang Adventist Hospital	3
52.	HYUNDAI Gurney Paragon	1
53.	ParkEasy @ Decathlon Gurney Paragon	3
54.	Gurney Paragon Mall	2
55.	G Kelawai Hotel	2
56.	Gurney Plaza LVL6 Mini Electric	3
57.	Gurney Plaza	8
58.	QuickCharge at City Of Dreams	4
59.	Starbucks Tanjung Tokong DT	1
60.	ChargeSini Station Mont Residence	4
61.	QuickCharge at Landmark Penang	2
62.	Precinct 10	3
63.	Island Plaza	4
64.	Tanjung Park Condominium Outdoor	6
65.	Prima Tanjung Basement Carpark	3
66.	Marinox Sky Villas	5
67.	ChargeSini Station I-Santorini	4
68.	The Tamarind Condo	2
69.	The Tamarind (Block B L2)	2
70.	Quayside Condominium	7
71.	Straits Quay Carpark	1
72.	Pearl View Condominium	2
73.	Starbucks Hillside DT	1
74.	Tree Square	2
75.	Taman Leader Condominium	1
76.	Coastal Towers	2
77.	The Reef	2

BIL.	LOKASI	JUMLAH EVCB
78.	Doubletree Resort Penang by CarputZap	1
79.	Sri Sayang	2
80.	Shangri-La Rasa Sayang Resort Hotel	7
81.	Golden Sands Resort Penang by Shangri-la	2
82.	Ferringhi Garden Restaurant Penang	3
83.	Hard Rock Hotel Penang	2
84.	Lotus's Penang Egate	2
85.	Batu Lanchang Market	2
86.	Greenlane	2
87.	RHB Jelutong	2
88.	Kek Lok Si Car Park	2
89.	Jalan Jelutong	2
90.	Gat Lebuah Gereja	2
91.	Lebuah Cintra	2
92.	UOB Penang Garden	3
93.	Jalan Arratoon	2
94.	One Tanjung	2
95.	Surin Condominium	3
96.	Starbucks Botanica DT	2
97.	Dell Global Business Center	5
98.	Platinum III Kondominium	2
99.	Fiera Vista Kondominium	1
100.	Solaria Residences	4
101.	The Loft @ Southbay	2
102.	Intel Penang PG14	3
103.	Intel Penang PG15	1
104.	Nissan Bayan Lepas Service Centre	1
105.	Muyogi Dessert Shop	2
106.	Suntech @ Penang Cybercity	2
107.	D'piazza Condominium	4
108.	MUZE @ PICC PENANG	3
109.	PDC HQ	1
110.	Olive Tree Hotel	2
111.	Amari Spice Penang	3
112.	Setia Welcome Centre Spice	1
113.	Golden Triangle	2
114.	Senz Villes Penang	1
115.	Hotel Equatorial Penang	4
116.	Carput Zap at AC Hotel Penang	2
117.	The Address Boutique	2
118.	One Imperial Block B	2

BIL.	LOKASI	JUMLAH EVCB
119.	Iconic Skies	2
120.	Fairview Residence Penang	2
121.	Setia Pinnacle	2
122.	Bangunan Lip Sin	4
123.	MBPP Relau Sport Complex	2
124.	Vistana Hotel	1
125.	Intel PG9	1
126.	Queens Waterfront Q1 & Q2	3
127.	Queensbay Mall	2
128.	Eastin Hotel	1
129.	Putra Marine Resort Condominium	2
130.	Tropicana BAY Residence	2
131.	Entopia By Penang Butterfly Farm	2
132.	Angsana Teluk Bahang Hotel	4
133.	Ecoworld Gallery @ Eco Terraces	1
134.	Botanica CT	2
135.	7 Eleven Balik Pulau	2
136.	Kompleks Pasar Kelicap	2
137.	Pasar Rajawali	2
138.	Bayan Point	2
139.	Iconic Marjorie Hotel	3
140.	Lotus Penang SG Dua	1
141.	Bertam Resort And Waterpark	2
142.	Tealive, Bagan Ajam	1
143.	Strabucks, Raja Uda DT	1
144.	Bagan Suite Hotel	3
145.	WoodsBury Suites, Butterworth	4
146.	Luminari Residences	3
147.	Majlis Bandaraya Seberang Perai	2
148.	Sunway Carnival Mall, Seberang Jaya	22
149.	Sunway Medical Centre Penang	4
150.	The Light Hotel, Seberang Jaya	2
151.	Gentari Petronas BKE1 Kulim Bound Seberang Jaya	1
152.	Petronas BKE Butterworth Bound	1
153.	Ixora Hotel, Perai	9
154.	BYD Denver Auto Penang, Jalan Baru	1
155.	Porche Centre, Jalan Baru	2
156.	Tian Siang BMW Showroom, Jalan Baru	2
157.	Mydin Bukit Mertajam	1
158.	Nissan Showroom	1

BIL.	LOKASI	JUMLAH EVCB
159.	Metropol Service Apartment, Perda	3
160.	KPJ Penang	3
161.	SLC Tyre EV Plus	2
162.	Petronas Juru Lay-By Northbound	2
163.	Starbucks Juru, Pusat Perniagaan Setia Sentral	2
164.	Tealive, Pusat Perniagaan Setia Sentral	1
165.	TNB Electron, Pusat Perniagaan Setia Sentral	1
166.	Iktikadraya Northern Juru	1
167.	BYD Butterworth IrollEV	3
168.	Starbucks Icon City DT	1
169.	80's Bistro Icon City Penang	2
170.	Iconic Hotel Penang	2
171.	Citadines Prai Penang	4
172.	Abadi Motors Sdn Bhd, Juru	2
173.	Audi 4S, Juru	1
174.	Marc Residences	2
175.	Mahkota Impian	3
176.	AEON Mall Bukit Mertajam	4
177.	Pangsapuri Seri Jaya, Bukit Mertajam	0
178.	Jesselball Sport Centre	2
179.	Vangohh Eminent Hotel and Spa	3
180.	Varnen Cozy Haven	1
181.	Galaxy Hotel	2
182.	JomCharge @ Eco Horizon Clubhouse	1
183.	QuickCharge at Vervea High Street	2
184.	Design Village Outlet Mall	3
185.	Ikea Batu Kawan	3
186.	Starbucks Eco Horizon DT	2
187.	Powerbee @ ViTrox Technologies Sdn Bhd	3
188.	The Ship Campus, Bandar Cassia	8
189.	IJM Bayouri Gallery Jawi Penang	2
190.	C-Mart Nibong Tebal Penang	2
191.	MKS Advance	1
JUMLAH		479

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXI)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

26. Tanah kerajaan di Pulau Pinang.
- (a) Nyatakan jumlah keseluruhan transaksi penjualan tanah milik Kerajaan Negeri, khususnya PDC, MBPP dan MBSP kepada pihak swasta sejak tahun 2022 sehingga kini.
 - (b) Senaraikan butiran terperinci bagi setiap transaksi, termasuk lokasi dan keluasan tanah, harga jualan, pihak pembeli dan tujuan pembangunan tapak.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

26. (a) Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) menyatakan bahawa tiada transaksi penjualan tanah kepada pihak swasta sejak tahun 2022 hingga kini. Manakala bagi Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang terdapat 72 transaksi penjualan tanah.
- (b) Butiran terperinci adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

SENARAI TRANSAKSI PENJUALAN TANAH PDC DARI TAHUN 2022 SEHINGGA 2025

TAHUN 2022

BIL	LOKASI	NAMA SYARIKAT	KELUASAN TANAH (EKAR)	HARGA JUALAN (RM)	TUJUAN
1	Taman Perindustrian Prai	Elna PCB (M) Sdn Bhd	2.6314	5,158,070.10	Perindustrian
2	Taman Perindustrian Bukit Minyak	Labelpac & Print Sdn Bhd	1.4863	3,366,647.96	Perindustrian
3	Penang Science Park	Panfast Marketing (M) Sdn Bhd	2.6344	5,737,723.00	Perindustrian
4	Penang Science Park North	K.K Metal Processing Sdn Bhd	1.89	4,116,420.00	Perindustrian
5		M Precision Sdn Bhd	2.4955	5,435,199.00	Perindustrian
6		EDM Holdings Sdn Bhd	3.45	7,514,100.00	Perindustrian
7		Scandinavian IBS Sdn Bhd	12.679	27,614,862.00	Perindustrian
8		Klitz Vibrant Imported Kitchens Sdn Bhd	1	2,178,000.00	Perindustrian
9		SIP Technology (M) Sdn Bhd	1.3877	3,022,410.50	Perindustrian
10		ACA Integration Sdn Bhd	1.4846	3,556,804.90	Perindustrian
11		ENG IBS Manufacturing Sdn Bhd	3	7,187,400.00	Perindustrian
12		MJC Technology Sdn Bhd	1.1009	2,637,536.00	Perindustrian
13		MMP Rosources Sdn Bhd	1.0052	2,189,325.00	Perindustrian
14		Gaban Spice Manufacturing (M) Sdn Bhd	7	16,770,600.00	Perindustrian
15		Poly M&E Industries Sdn Bhd	26.7339	43,087,561.16	Perindustrian
16	Taman Perindustrian Batu Kawan	Dexcom (Malaysia) Sdn Bhd	21.3879	52,100,980.60	Perindustrian
17		TSG Automation Sdn Bhd	2.0527	4,917,858.55	Perindustrian
18		Amlx Technology Sdn Bhd	2.1666	5,662,626.00	Perindustrian
19	Lot 7596, Mukim 12, D.B.D	Builtech Land Sdn. Bhd.	0.56	5,660,000.00	Komersial
20	Lot 5654, Mukim 1, S.P.S	Dynamicpro Resources Sdn Bhd	0.3983	1,908,656.20	Komersial
21	H.S. (D) 51401 PT 1015, Mukim 14, S.P.S	Western Autoapex Sdn. Bhd.	3.0258	9,621,680.90	Komersial
22	Lot 50689 PN 11098, Mukim 11, S.P.T.	Nasmir Holding (P.P.) Sdn Bhd.	1.62012	5,681,046.00	Komersial
23	PT 4162, HSD 20812, Mukim 13, D.T.L.	Genggam Mekar Land Sdn. Bhd.	4.0690	85,079,520.00	Komersial
24	H.S. (D) 51406, PT 6182, Mukim 13, Bandar Cassia, S.P.S.	Green Camour Property Sdn Bhd	18.7919	53,207,385.40	Komersial
25	H.S. (D) 51839 PT 6205, Mukim 13, Bandar Cassia, S.P.S	Le Sanctuary Sdn Bhd	19.0882	49,888,919.40	Komersial

TAHUN 2023

BIL	LOKASI	NAMA SYARIKAT	KELUASAN TANAH (EKAR)	HARGA JUALAN (RM)	TUJUAN
1	Penang Science Park	Comet Technologies Malaysia Sdn. Bhd.	7.5024	17,974,249.70	Perindustrian
2		K-Tool Engineering Sdn. Bhd.	1.5457	3,366,534.50	Perindustrian
3	Penang Science Park North	HNL Products (M) Sdn. Bhd.	1.8615	4,459,781.70	Perindustrian
4		Seng Chong Technology Sdn. Bhd.	1.6198	3,880,716.95	Perindustrian
5		Mykuali Manufacturing Sdn. Bhd.	4.684	11,221,927.20	Perindustrian
6		Haritage Brands Sdn. Bhd.	1.2089	2,896,282.40	Perindustrian
7		NCE Engineering Sdn. Bhd.	1.5	3,593,700.00	Perindustrian
8		Netpoint Coating Sdn. Bhd.	1.4208	3,403,952.75	Perindustrian
9		Sunshine Cofee Rosating Sdn. Bhd.	0.868	2,079,554.40	Perindustrian
10		LEM Malaysia Sdn. Bhd.	1.3485	3,524,439.60	Perindustrian
11		ITW Meritex Sdn. Bhd.	2.2516	5,394,383.50	Perindustrian
12		Elite Material (Penang) Sdn. Bhd.	13.6178	35,591,482.20	Perindustrian
13		Memed Sdn. Bhd.	6.1382	16,042,799.40	Perindustrian
14		Des Innovation Sdn. Bhd.	1.3898	3,632,381.40	Perindustrian
15		Akidah Maju (M) Sdn. Bhd.	1.6179	4,228,543.20	Perindustrian
16		Paramit Malaysia Sdn. Bhd.	5	11,979,000.00	Perindustrian
17		RC Engineering & Trading Sdn. Bhd.	1.4962	3,910,468.20	Perindustrian
18		SMC Automation Malaysia Sdn. Bhd.	1.84	4,809,024.00	Perindustrian
19		SF Metal Sdn. Bhd.	1.1159	2,916,516.24	Perindustrian
20		Mplex Technology Sdn. Bhd.	1.9791	5,172,576.00	Perindustrian
21	Taman Perindustrian Batu Kawan	Exceptional Engineering Sdn. Bhd.	1.4854	3,882,111.00	Perindustrian
22		Actmax Sdn. Bhd.	3.7456	9,789,500.40	Perindustrian
23		Simfoni Bistari Sdn. Bhd.	5.0515	13,202,600.40	Perindustrian
24		Ultra Clean Technology (Malaysia) Sdn. Bhd.	9.0454	23,641,057.20	Perindustrian
25		Lake Region Medical Sdn. Bhd.	5	15,246,000.00	Perindustrian
26		Sustio Sdn. Bhd.	10	18,295,200.00	Perindustrian
27	PT 6192, HSD 51792, Mukim 13, Bandar Cassia, S.P.S.	Georgetown Resources Sdn. Bhd.	18.4267	52,173,358.25	Komersial
28	Lot 50772, Mukim 11, S.P.T	Builtech Land Sdn. Bhd.	1.71	6,033,366.00	Komersial

TAHUN 2024

BIL	LOKASI	NAMA SYARIKAT	KELUASAN TANAH (EKAR)	HARGA JUALAN (RM)	TUJUAN
1	Penang Science Park North	Elite Material (Penang) Sdn. Bhd.	3.3591	8,779,344.00	Perindustrian
2		Foo Yuan Vegetarian Sdn. Bhd.	2	5,227,200.00	Perindustrian
3		ECA Advanced Solutions Sdn. Bhd.	3.0471	7,963,900.80	Perindustrian
4		Ultimate Manufacturing Solutions (M) Sdn. Bhd.	5.3772	15,225,003.95	Perindustrian
5		Easy Pack Machinery Sdn. Bhd.	7.8424	22,494,931.10	Perindustrian
6		Thong Sheng Food Technology Sdn. Bhd.	1.5017	4,251,913.25	Perindustrian
7		GDT Sdn Bhd	3.1642	8,959,115.75	Perindustrian
8		Chemlite Industries Sdn. Bhd.	3.4429	9,748,226.80	Perindustrian
9	Taman Perindustrian Batu Kawan	Ludolma Engineering Sdn. Bhd.	1	3,049,200.00	Perindustrian
10		Formula Automation Sdn. Bhd.	0.9868	2,579,100.60	Perindustrian
11		VAT Manufacturing Sdn. Bhd.	7.1492	20,242,244.75	Perindustrian
12	Bandar Cassia Technology Park	Siliconware Precision Malaysia Sdn. Bhd.	20	69,696,000.00	Perindustrian
13		Plexus Manufacturing Sdn. Bhd.	20	69,696,000.00	Perindustrian
14		MKS Instruments Sdn. Bhd.	17	59,241,600.00	Perindustrian
15	Lot 20580, GM3197, Mukim 14, S.P.T	Broadway Buildings Sdn. Bhd.	0.6184	1,250,000.00	Komersial

TAHUN 2025

BIL	LOKASI	NAMA SYARIKAT	KELUASAN TANAH (EKAR)	HARGA JUALAN (RM)	TUJUAN
1	Taman Perindustrian Batu Kawan	Lesoshoppe Sdn. Bhd.	1.9403	6,761,557.60	Perindustrian
2	Lot 5320, Mukim 1, SPT	Skyworld Development Berhad	31.2879	183,991,625	Pembangunan Bercampur
3	Lot 10848 (PT 5066), Mukim 1, SPT	Skyworld Development Berhad	2.7842	16,372,766.5	Pembangunan Bercampur
4	Sebahagian Lot 282, Mukim 13, SPS	FBG Land Sdn. Bhd.	51.172	111,452,616	Hospital dan Pembangunan Bercampur

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXI)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

27. Kadar kelahiran bayi di Pulau Pinang.

- (a) Apakah kadar kelahiran bayi untuk tahun 2020 hingga 2025?
- (b) Apakah pecahan mengikut bangsa dan jantina? Nyatakan secara terperinci.
- (c) Bandingkan kadar kelahiran bayi di Pulau Pinang dengan negeri-negeri lain.

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. (a) Kadar kelahiran bayi yang dilahirkan di fasiliti kesihatan dan hospital di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Tahun	Bil. kelahiran hidup	Kadar kelahiran peratusan (%)
2020	20,267	11.4
2021	19,374	10.9
2022	18,107	10.4
2023	20,139	11.3
2024	20,988	11.8

- (b) Pecahan mengikut bangsa dan jantina bagi kelahiran daripada tahun 2020 hingga 2024 adalah seperti berikut:

Tahun	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Warga asing
2020	13,377	3,986	1,302	142	1,460
2021	13,436	3,474	1,180	147	1,137
2022	12,729	3,020	1,172	123	1,063
2023	13,857	3,394	1,235	168	1,485
2024	13,405	3,802	1,457	730	1,594

- (c) Perbandingan kadar kelahiran bayi di Negeri Pulau Pinang dengan negeri-negeri lain adalah seperti berikut:

Negeri	Kadar Kelahiran (%)				
	2019	2020	2021	2022	2023
Perlis	16.0	14.4	14.2	12.9	13.2
Kedah	15.9	15.9	15.4	14.2	15.4
Pulau Pinang	11.4	11.3	10.7	10.2	11.0
Perak	13.2	12.7	12.2	11.7	12.1
Selangor	15.2	13.4	12.8	11.9	12.6
Pahang	15.5	15.9	15.3	14.6	14.7
Negeri Sembilan	15.5	14.3	13.9	13.2	13.5
Melaka	15.2	13.9	13.1	13.0	13.2
Johor	16.0	14.2	12.4	12.0	13.7
Kelantan	19.6	20.2	19.2	18.5	19.2
Terengganu	21.8	23.6	22.5	21.3	21.6
Sabah	13.6	14.5	12.2	12.8	12.9
Sarawak	13.1	14.4	12.7	12.5	13.6
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	13.4	11.7	10.7	10.1	10.7
Wilayah Persekutuan Labuan	16.9	18.0	15.9	14.2	14.2
Wilayah Persekutuan Putrajaya	22.3	19.6	18.3	15.7	14.4

*Sumber data daripada Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP)

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXI)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

28. Jumlah pelancong ke Pulau Pinang.

- (a) Senaraikan jumlah pelancong ke Pulau Pinang berdasarkan kewarganegaraan sejak tahun 2020.
- (b) Apakah lima negara utama penyumbang pelancong ke negeri ini?
- (c) Apakah sasaran jumlah pelancong dan KPI sektor pelancongan yang ditetapkan Kerajaan Negeri bagi tahun 2025?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. (a) Jumlah pelancong ke Pulau Pinang berdasarkan kewarganegaraan sejak tahun 2020 adalah seperti di **Jadual 1**. Angka-angka ini ialah ketibaan antarabangsa di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan tidak termasuk ketibaan melalui penerbangan domestik, darat dan laut.

Jadual 1: Jumlah Pelancong ke Pulau Pinang Berdasarkan Kewarganegaraan (2020-2025).

BIL	NEGARA	2020	2021	2022	2023	2024	2025 (Jan - Mac)
1	INDONESIA	40,342	866	138,219	345,786	369,088	95,227
2	CHINA	7,906	103	5,918	37,711	120,245	45,393

3	SINGAPURA	12,984	215	96,579	186,353	177,882	35,559
4	TAIWAN	6,776	187	4,292	35,223	42,035	10,819
5	THAILAND	2,088	44	11,270	21,652	30,589	6,765
6	UNITED KINGDOM	3,276	118	6,821	15,500	19,707	6,281
7	AMERIKA SYARIKAT	2,735	96	9,581	20,601	21,422	6,142
8	INDIA	778	25	3,336	7,348	11,127	5,045
9	AUSTRALIA	3,668	108	9,273	16,986	17,699	4,779
10	JEPUN	3,066	336	4,963	13,285	15,243	4,554

- (b) Berdasarkan rekod ketibaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) bagi tempoh Januari hingga Disember 2024, lima negara teratas yang mencatatkan bilangan ketibaan tertinggi ke Pulau Pinang ialah Indonesia, diikuti oleh Singapura, China, Taiwan dan Thailand.
- (c) Sasaran jumlah pelancong dan *Key Performance Index* (KPI) sektor pelancongan yang ditetapkan Kerajaan Negeri bagi tahun 2025 ialah peningkatan sebanyak 5% bagi jumlah ketibaan penumpang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang merangkumi ketibaan domestik dan antarabangsa.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXI)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

29. Pelaksanaan Program Sejati Madani.

- (a) Setakat ini, berapakah jumlah organisasi, khususnya MPKK, JPWK dan JBPP yang telah menerima peruntukan di bawah Program Sejati Madani?
- (b) Senaraikan nama dan sifat projek yang telah diluluskan.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Pelaksanaan Program Sejati Madani.

- (a) Jumlah keseluruhan organisasi di Negeri Pulau Pinang khususnya bagi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) dan Jawatankuasa Belia Pulau Pinang (JBPP) yang telah menerima peruntukan adalah seperti berikut:

ORGANISASI	JUMLAH
MPKK	190
JPWK	1
JBPP	-
JUMLAH KESELURUHAN	191

Untuk makluman, Program Sejahtera Komuniti Madani juga dikenali dengan nama Sejati Madani. Daripada senarai di atas,

sebanyak **190** organisasi telah diperuntukan dana berjumlah **RM17,918,596.00**.

- (b) Berikut merupakan nama dan sifat projek yang telah mendapat kelulusan bagi MPKK dan JPWK:

Kelulusan permohonan kepada MPKK

SEKTOR	BIL DITERIMA	JUMLAH PERUNTUKAN
Aktiviti Hijau dan Kitar Semula	54	5,038,995.00
Pelancongan dan Hospitaliti	45	4,437,600.00
Pertanian dan Makanan	84	7,780,721.00
Herba dan Kesihatan	2	198,640.00
Jahitan dan Kraftangan	5	362,640.00
JUMLAH KESELURUHAN	190	17,818,596.00

Kelulusan permohonan kepada JPWK

SEKTOR	BIL DITERIMA	JUMLAH PERUNTUKAN
Jahitan dan Kraftangan	1	100,000.00
JUMLAH KESELURUHAN	1	100,000.00

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXI)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

30. Buletin Mutiara dan Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri, Pejabat Ketua Menteri.
- (a) Berapakah jumlah wartawan yang bertugas di bawah Bahagian Penerangan?
 - (b) Berapakah bilangan cetakan Buletin Mutiara setiap bulan dan ke mana edaran tersebut disalurkan?
 - (c) Apakah jumlah kos percetakan Buletin Mutiara dari tahun 2020 hingga 2025?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

30. (a) Jumlah wartawan yang bertugas di bawah Bahagian Penerangan adalah seramai 16 orang yang bertanggungjawab dalam penerbitan dalam empat versi bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil.
- (b) Bilangan cetakan Buletin pada setiap bulan adalah 200,000 naskah untuk versi Bahasa Melayu dan 200,000 naskah untuk versi campuran. Naskah-naskah penerbitan berkaitan diedarkan ke lokasi-lokasi seperti pangsapuri, masjid, sekolah, pejabat kerajaan serta swasta, hospital swasta, pasar raya dan lain-lain untuk setiap penerbitan iaitu pada setiap dua (2) minggu.

- (c) Kos cetakan Buletin Mutiara dari tahun 2020 hingga 2025 adalah seperti berikut:

TAHUN	KOS CETAKAN (RM)
2020	3,840,000.00
2021	3,840,000.00
2022	4,860,000.00
2023	4,860,000.00
2024	3,600,000.00
2025	3,600,000.00